

BLOGGER

ADSENSE GUIDE



Sign in to use Blogger
But first, where do you blog?

New Blogger
Using your
Google account

Old Blogger
Using your
Blogger account

A Newbie's Guide To Blogging for Adsense Cash!

What's a blog?

Create a blog in 3
easy steps:

Panduan AdSense Blogger

Panduan Blog untuk Mendapatkan Wang Tunai daripada AdSense!

Website Perniagaan Internet Terbaik Dalam Dunia...

Penat dengan membayar **\$97 atau lebih** untuk ebuku-ebuku yang tidak lengkap dan laman keahlian yang tidak berbaloi, yang hanya melompangkan dompet anda? Buat masa terhad, anda boleh mendapatkan akses PERCUMA kepada video, audio, produk Hak Jual-Semula dan system penjanaan trafik "underground" dari Internet

[Klik Di Sini Untuk Akaun Percuma Anda >>](#)

(atau lawat www.internetincomemastery.com/free)

Isi Kandungan

<i>Pengenalan Kepada Penulisan Blog</i>	5
Apakah Sebenarnya Blog? Cebisan daripada Sejarah Penulisan Blog	5
Membuat Duit dengan Blog	8
Blog Yang Berjaya	10
Masa Depan Penulisan Blog.....	13
<i>AdSense Sebagai Model Penghasilan Wang</i>	16
Bagaimana AdSense Tahu Iklan Apa Untuk Dipaparkan?	19
Daripada Manakah Datangnya Iklan?	22
AdSense Untuk Menghasilkan Pendapatan.....	24
Peraturan AdSense	26
Progam Carian AdSense	27
Berapa Banyak Duit Yang Boleh Diperoleh Melalui AdSense?	28
<i>Bagaimana Memulakan Blogger Google</i>	30
Penyediaan Blogger, Langkah 1 – Membuka Akaun	31
Penyediaan Blogger, Langkah 2 – Menamakan Blog	32
Penyediaan Blogger, Langkah 3 – Pilihan Templat.....	34
Tahniah, Kini Anda Memiliki Blog dalam Blogger!.....	36
Penggunaan Dashboard dalam Blogger	37
Mengepos Mesej	37
Setting Blogger	39
Templat Blogger	40
<i>Menyertai AdSense</i>	44
Selepas Anda Diluluskan untuk Mengguna AdSense	46
Lokasi Blok AdSense	48
AdSense dan Grafik.....	50
<i>Konsol AdSense</i>	51
Tab Laporan AdSense	52
Tab Penyediaan AdSense	54
Tab Akaun Saya	55

Perlu Bantuan Tambahan AdSense?	55
<i>Mencipta Isi Yang Menarik</i>	57
Apa Yang Patut Saya Tulis dalam Blog Baru Saya?	57
Mendapatkan topik untuk blog anda	59
Mengepos Mesej dalam Blog Anda	62
Pengformatan Mesej Anda.....	64
Intipati Mesej Anda	67
<i>Meningkatkan Trafik Blog Anda</i>	70
Fail Pengenalan Forum	70
Mencari Forum yang Diingini.....	71
Fail Pengenalan E-mel	73
Pautan-balik Mendatangkan Trafik kepada Blog Anda	74
Penyerahan Artikel	75
Penyerahan Siaran Akhbar.....	76
Penyerahan Direktori Blog.....	77
Memberi Komen dalam Blog Orang Lain.....	78
Bekerjasama Dengan Penulis Blog Lain	78
<i>Pengoptimuman Enjin Pencarian</i>	81
Bagaimana Enjin Carian Berfungsi?	81
Pengoptimuman Enjin Carian	82
Jangan terkeluar daripada Topik & Rajinlah Menulis.....	84
Pautan	85
Kata kunci.....	85
Tag META	87
Ping.....	89
SEO dan Pemasaran Blog Anda	90
<i>Pengubahsuaian & Peningkatan</i>	92
Reka Bentuk Blog Anda	92
Vlog dan Moblog – Masa Depan Penulisan Blog	96
Mencipta RSS Feed.....	97
Alternatif kepada Blogger	99
<i>Akhir Kata</i>	100

Bab 1

Pengenalan Kepada Penulisan Blog

Apakah Sebenarnya Blog? Cebisan daripada Sejarah Penulisan Blog

Dengan perkembangan Internet kepada keadaan yang sedia ada pada hari ini, kebanyakan *webmaster* mendapati bahawa pengunjung web ingin mengetahui laman web yang mempunyai berita terkini dan yang selalu dikemaskinikan. Pengunjung web mencari maklumat yang terkini dan sensasi serta mereka tidak mahu pergi mencari sendiri laman web yang manakah yang baru dikemaskinikan. Mereka mahukan suatu tempat di mana mereka boleh pergi dan dapat lihat apa yang baru.

Beberapa cerdik-pandai pengatur cara mula menuliskan log dalam laman web mereka yang memberitahu pengunjung mengenai laman web yang telah dikemaskinikan atau yang mempunyai maklumat terkini. Log web ini, sepertimana yang dinamakan pada ketika itu, adalah seumpama sebuah direktori tidak rasmi kepada "apa yang terkini" di internet. Akhirnya log web itu dan teknologi yang menggerakkan mereka berkembang dan berubah menjadi kepada blog yang wujud pada hari ini.

Sebuah blog adalah hanya satu laman web yang ditulis padanya berita-berita dalam format yang bersahaja dan kerap dikemaskinikan. Daripada menjadi laman web yang menyenaraikan laman web baru atau laman web yang baru dikemaskinikan, blog itu sendiri adalah

sebuah laman web dan telah menjadi suatu perkara yang baru, yang sentiasa berubah.

Di internet sebuah blog mempunyai peranan yang sama seperti program siaran berita televisyen tempatan anda atau seperti surat akhbar dalam cabang media masing-masing. Blog adalah suatu tempat di mana anda boleh pergi bila anda inginkan maklumat yang terkini dan yang menarik, dalam sebarang tajuk yang diminati.

Blog adalah laman web yang sentiasa dikemaskinikan dengan maklumat yang terkini. Tujuan utama blog adalah untuk mendidik dan menghiburkan orang ramai. Sepertimana program berita yang baik atau surat akhbar tempatan, blog yang baik menyajikan anda dengan pendidikan dan hiburan yang seimbang. Sebuah blog yang baik mengandungi pelbagai isi kandungan yang bernas, yang mengajar anda suatu perkara yang baru dan juga menghiburkan dalam proses tersebut. Untuk memastikan blog anda berjaya, anda mesti memastikan blog anda mempunyai ketiga-tiga ciri tersebut. Blog yang paling berjaya di internet ialah yang mempunyai ciri tersebut yang diolah dengan baik.

Jika log web dahulunya merupakan senarai laman web baru atau laman web yang sentiasa berubah dan bertukar mengikut peredaran masa, kini dikenali sebagai blog. Pada suatu ketika, blog hanya dimiliki oleh pengatur cara. Penulisan blog pada masa kini boleh dimiliki oleh sesiapa sahaja, tanpa sebarang kemahiran pengaturcaraan atau kemahiran HTML bagi membina blog mereka sendiri. Log web pada masa dahulu telah berkembang menjadi blog pada hari ini.

Dengan adanya pertumbuhan blog percuma dengan pesat, seperti Blogger kepunyaan Google, ia dapat memudahkan sesiapa sahaja di dunia ini untuk mendapatkan blog mereka sendiri. Blogger hanya perlu menggunakan templat dan mendaftar satu akaun, memulakan blog sendiri hanya mengambil masa lima minit sahaja dan kemudian anda telah siap sedia untuk membinanya! Jika anda boleh e-mel dan melayari laman web, maka anda boleh mempunyai blog sendiri . Ia sungguh mudah dan yang paling menarik percuma!

Pada hari ini blog diselenggara oleh syarikat besar dan kecil, dan juga oleh individu di serata dunia. Pada masa kini, masyarakat semua peringkat umur boleh memiliki blog sendiri, malah nenek anda juga boleh memilikinya jika dia mahu. Apa yang perlu dilakukan ialah mendaftar akaun Blogger dan mula menaip tentang keluarga, hobi, binatang kesayangan atau apa sahaja yang mahu diceritakan. Blog keluarga adalah merupakan salah satu cara yang baik untuk keluarga yang saling berhubung antara satu sama lain.

Blog merupakan diari secara dalam talian atau buku catatan yang anda gunakan untuk menerbitkan minda anda . Blog juga boleh menjadi laman web rasmi yang memberi maklumat kepada orang ramai tentang apa saja topik yang boleh anda fikirkan. Blog anda boleh menjadi blog peribadi atau blog profesional mengikut kemahuan anda.

Melalui penggunaan templat Blogger yang hebat, anda boleh mengubahsuai rupa bentuk blog yang anda inginkan bagi menepati jenis blog yang dimahukan . Anda juga bebas untuk memiliki lebih

daripada satu blog dengan rupa bentuk yang berbeza-beza, bersesuaian dengan topik yang tersendiri. Apa yang paling menarik ialah kedua-dua blog peribadi dan blog profesional boleh memiliki AdSense yang dapat menghasilkan duit untuk anda!

Dalam talian, buat masa ini terdapat pelbagai topik yang dibincangkan di dalam blog seperti topik tentang politik di tempat kerja, politik dunia perhubungan, hidup berjimat, sukan, agama, kehidupan keluarga, kanak-kanak, haiwan peliharaan keluarga dan apa saja di antaranya. Jika anda berminat dengan sesuatu topik, anda akan menemui sebuah blog tentang topik tersebut. Tetapi, jika anda mencari dan tidak menemui topik yang menarik minat anda di dalam blog yang sedia ada, maka mungkin ia boleh menjadi topik yang hebat untuk blog anda sendiri dan membuat duit melaluinya!

Membuat Duit dengan Blog

Penulisan blog merupakan satu-satunya model perniagaan baru yang benar-benar “percuma” di internet. Anda boleh mendaftar akaun blog dengan percuma seperti di Blogger dengan senang dan cepat. Kemudian, anda boleh menambahkan AdSense dan pautan web yang ada hubungan dan kaitan dengan blog anda serta menghasilkan duit daripada pengunjung yang klik pada pautan web tersebut. Ini dinamakan membuat duit dengan blog. Anda boleh membuat semua ini tanpa berbelanja satu sen pun daripada duit anda sendiri .

Google telah memulakan sebuah program yang dinamakan AdSense. AdSense digunakan oleh pemilik laman web untuk membuat duit

dengan menjadi hos iklan perniagaan orang lain di laman web mereka. Blog juga boleh menjadi hos kepada iklan AdSense walaupun ia menggunakan servis blog yang percuma. Google memiliki Blogger dan AdSense , jadi kedua-duanya diprogramkan supaya dapat digunakan dengan mudah oleh sesiapa sahaja. Oleh kerana kedua-dua program ini dimiliki oleh Google, apabila digabungkan bersama ia berjalan dengan amat lancar sekali.

Dengan AdSense, anda hanya perlu tampal kod program yang dibuat untuk anda kepada templat Blogger. Kemunculan iklan pada blog anda bergantung sepenuhnya kepada lokasi dipilih untuk menampal kod AdSense di dalam templat anda. Dalam eBuku ini nanti kita akan menerangkan bagaimana untuk menghasilkan kod AdSense dan dimana sepatutnya kod AdSense perlu diletakkan di dalam blog templat anda .

Sebagai tambahan, AdSense membenarkan anda menyatukan isi kandungan blog anda dengan iklan yang dipaparkan. Ini akan membantu dalam membuatkan iklan AdSense kelihatan seperti isi kandungan blog anda dan bukan seperti papan pengiklanan.

AdSense juga dapat mengesan iklan yang berkaitan dengan topik dan isi kandungan blog anda. Contohnya, kalau anda mempunyai blog tentang penjimatan wang, maka AdSense akan menyediakan iklan berkaitan dengan khidmat kupon, hadiah percuma dalam talian dan pelbagai iklan yang bersesuaian dengan topik blog anda. Dalam blog penjimatan wang, anda tidak akan melihat iklan yang tidak berkaitan seperti iklan penjagaan haiwan atau produk teknologi.

Bagaimana anda boleh membuat duit dengan AdSense? Google akan membayar anda apabila pengunjung klik pada iklan AdSense di laman anda. Ini dinamakan "*click through*". Google akan membayar anda jumlah wang yang berbeza-beza bergantung kepada iklan mana yang diklik.

Blog Yang Berjaya

Setelah anda mempunyai blog yang mengandungi AdSense, anda perlulah mula membuat mengedpos catatan setiap hari atau dua hari sekali. Secara amnya catatan blog perlulah berkaitan dengan topik blog anda. Namun, anda juga boleh mengedpos tentang apa-apa saja pada bila-bila masa. Jika anda mempunyai pandangan tentang politik atau apa saja pada hari itu, anda boleh mengedposnya ke blog. Anda tidak perlu menjadi penulis profesional untuk menjayakan blog anda. Bahkan, anda akan mendapati bahawa kebanyakan penulis blog bukanlah penulis profesional tetapi hanya menulis semata-mata untuk blog mereka sahaja. Anda hanya perlu minat pada topik yang anda poskan dan poslah sekerap yang mungkin dengan isi yang menarik.

Menghasil isi yang menarik bukanlah sukar sekiranya anda minat dan berilmu tentang topik tersebut. Anda boleh mengedpos artikel, memberi ulasan produk, meminta orang lain menulis di blog anda, ataupun hanya menulis satu atau dua perenggan tentang apa yang ada dalam fikiran anda pada hari itu. Secara amnya, blog adalah tidak formal, jadi anda perlu sentiasa memastikan nada penulisan anda mesra dan mengedpos mesej yang ditulis seperti anda menghantar e-mel kepada seorang kawan. Anda mahu pembaca melihat anda sebagai "kawan

dalam talian” mereka. Mereka hendak merasakan bahawa mereka adalah sebahagian daripada diri anda, ingin mengetahui segala-galanya tentang diri anda, apa pandangan dan pegangan anda.

Mempromosikan blog dalam talian adalah mudah dengan fail pengenalan (*pengenalan file*) yang boleh anda sertakan dalam penulisan anda di papan mesej internet , yang dinamakan forum dan mesej di dalam e-mel anda. Fail pengenalan ini akan menarik ramai pembaca kepada blog anda dan dengan merekalah, anda akan menjalinkan hubungan sdalam talian dari semasa ke semasa. Adalah lebih baik sekiranya semakin ramai orang yang membaca blog anda. Semakin ramai pembaca setia yang anda ada, semakin banyak pautan ke blog anda akan dikongsikan dengan rakan dan kenalan mereka. Anda perlu selalu menggalakkan mereka berkongsi pautan blog anda dengan rakan dan kenalan mereka yang mungkin berminat dengan blog anda. Semakin ramai pembaca yang anda ada, semakin besarlah pendapatan anda daripada AdSense.

Anda juga akan menerima pengunjung melalui enjin carian seperti Google dan Yahoo. Ini dinamakan sebagai pengunjung “natural” kerana mereka menjumpai laman anda melalui enjin carian. Terdapat beberapa perkara khusus yang boleh anda lakukan pada blog anda, dan catatan blog bagi membantu meningkatkan kedudukan anda dalam enjin carian dan menambahkan pengunjung natural ke blog anda. Proses meningkatkan kedudukan di dalam enjin carian dikenali sebagai “pengoptimuman enjin carian” atau SEO (*search engine optimization*). Dengan memahami bagaimana SEO berfungsi, ia boleh membantu anda untuk menambahkan pendapatan melalui blog dengan menjadikan blog anda sebagai laman pertama yang akan

muncul dalam senarai keputusan carian apabila seseorang membuat carian topik blog anda melalui enjin carian.

Salah satu cara yang popular untuk meningkatkan SEO anda ialah dengan meletakkan tag META dan kata kunci khas, pada setiap mesej yang dihantar. Ini merupakan satu proses yang mudah di mana ianya akan diterangkan dengan lebih lanjut di dalam eBuku ini. Untuk meletakkan tag, anda semestinya mahu menggunakan kata kunci yang bagus yang dapat menggambarkan isi kandungan blog anda. Dengan menggunakan densiti kata kunci yang bagus, anda boleh memberi maklumat tentang topik blog anda kepada enjin carian dan memperoleh kedudukan yang lebih tinggi daripada enjin carian. Penggunaan densiti kata kunci yang bagus adalah sungguh mudah dan senang untuk digunakan serta dapat memberi pulangan yang besar kepada blog anda .

Satu lagi cara yang mudah untuk meningkatkan SEO anda ialah dengan membina pautan blog anda di dalam laman web lain. Anda boleh melakukannya dengan mudah sambil mempromosikan blog anda . Anda boleh membina pautan blog anda dan meningkatkan kedudukan dalam enjin carian melalui penghantaran artikel dan pengumuman siaran akhbar (press release announcement) dalam talian. Anda juga boleh menyertai forum dalam talian dan menggunakan fail pengenalan untuk menghubungkan orang ramai ke blog anda. Dengan menyertai dan mengambil bahagian, anda akan menerima ramai pembaca ke blog anda. Pembaca ini kemudiannya akan memberitahu rakan dan keluarga mereka tentang blog anda dan pembaca blog anda akan bertambah ramai. Semakin ramai pembaca,

semakin banyak klik pada iklan AdSense anda dan semakin banyak duit yang akan masuk ke dalam poket anda.

Dengan membina RSS feed pada blog, kandungan blog anda boleh disindikatkan sepertimana yang berlaku dalam buku komik dan siaran televisyen. Kita akan membincangkan mengenai RSS feed di bab yang lain eBuku ini. Memiliki RSS feed sudah menjadi satu kemestian kepada blog yang berjaya dan mewujudkannya adalah mudah di dalam Blogger.

Meningkatkan kedudukan enjin carian juga boleh dilakukan dengan *pinging* enjin carian tentang blog anda. Ada beberapa laman web yang anda boleh gunakan dengan percuma, membolehkan anda untuk melakukan apa yang dikatakan 'ping' enjin carian. Anda hanya pergi ke laman web tersebut, masukkan alamat blog, dan laman web itu akan memberitahu beberapa direktori blog dan enjin carian supaya melihat blog anda yang baru dikemaskinikan. Kekerapan berbuat demikian boleh meningkatkan kedudukan blog anda dalam enjin carian kerana enjin carian dapat melihat bagaimana anda menggunakan kata kunci dan meningkatkan kedudukan blog anda untuk carian kata kunci tersebut.

Masa Depan Penulisan Blog

Walaupun tiada siapa yang tahu masa depan penulisan blog, tapi saya agak pasti bahawa banyak perkembangan yang hebat akan berlaku. Kebolehan memasukkan audio dan video dalam blog menjadikan blog anda sangat peribadi dan akan mengagumkan pengunjung anda.

Sebenarnya anda boleh memiliki siaran televisyen atau radio sendiri melalui blog. Bayangkan penggambaran secara langsung satu jenayah atau peristiwa ditunjukkan dalam blog anda sebelum mana-mana stesen berita dapat menerbitkannya! Dan yang paling syok sekali, anda boleh melakukan apa saja dalam blog dengan percuma atau pada kos yang rendah!

Walaupun penulisan blog masih baru, ada beberapa blog yang jauh lebih baik mendidik dan menghibur pengunjung daripada laman web biasa. Zaman membina laman web dan tidak mengemaskinikannya sudah berakhir, sama ada untuk perniagaan mahu pun laman web keluarga. Pengunjung web mahukan pengemaskinian yang kerap. Mereka lebih suka melihat blog dalam laman web anda. Mereka tahu, sekiranya ada blog, mereka akan dapat membaca perkara terkini dan menarik, yang berlaku dalam perniagaan atau keluarga anda. Jika anda mempunyai laman web, bersamanya perlu ada blog yang bagus.

Terdapat banyak cara untuk menghasilkan wang daripada blog seperti Google AdSense dan program *affiliate*. Dengan perubahan web dari semasa ke semasa, sudah pasti akan wujud pelbagai cara baru untuk menghasilkan wang daripada blog. Perniagaan besar dan kecil mengetahui ramai orang yang membaca blog. Perniagaan hanya mahukan iklan mereka dilihat oleh orang yang berminat dengan produk atau servis yang ditawarkan. Blog adalah tempat yang terbaik bagi tujuan ini. Sebagaimana log web telah berubah menjadi blog sedia kala, pasti ia akan melalui beberapa perubahan di masa akan datang. Bayangkan dalam tempoh yang singkat ini, blog telah berubah dengan sebegini rupa, bagaimanakah ia akan berubah dalam masa 5 ke 10 tahun akan datang! Adakah anda akan menjadi sebahagian

daripada evolusi ini dan memperoleh hasil daripadanya? Pada masa akan datang, adakah anda mempunyai blog yang mantap yang boleh mengaut keuntungan yang banyak? Kami berharap bergitulah!

Bab 2

AdSense Sebagai Model Penghasilan Wang

Program Google AdSense membenarkan anda menjual ruang iklan laman web untuk pengiklan lain. Menempatkan iklan AdSense pada laman web atau blog anda adalah 100% percuma dan ia adalah cara yang terbaik untuk mendapatkan wang.

Bagaimana anda memperoleh wang daripada Google AdSense? Mudah saja, setiap kali seseorang klik pada iklan AdSense di blog anda, Google membayar anda. Tindakan seseorang mengklik pada iklan dipanggil "*click through*." Pengunjung mengklik pautan AdSense di laman web anda dan pergi ke laman web lain. Google membayar anda untuk setiap *click through* ini kerana pengiklanan mereka berjaya menarik minat pengunjung blog anda. Anda dibayar kerana bersetuju menghoskan iklan dan menyajikan kandungan yang bernas supaya mendapat iklan yang tersasar serta pengklikkan ke atasnya.

AdSense adalah cara yang amat popular untuk mendapatkan wang kerana ia mudah dipasangkan dan digunakan, terutamanya blog daripada Blogger. Kenapa? Jawapannya mudah saja; Blogger dan AdSense dimiliki oleh Google, jadi kedua-keduanya telah diprogramkan untuk berkerjasama dengan baik. Google mahukan anda meletakkan iklan AdSense jadi Google memudahkan cara untuk meletakkan blok iklan dan juga memberikan penampilan yang menarik serta boleh disebatikan dengan tema blog anda. Google faham,

dengan cara ini akan meningkatkan nisbah *click through* dan mahu membantu anda memperoleh wang sebanyak yang mungkin.

AdSense juga sangat popular kerana membolehkan anda jana pendapatan tanpa perlu mencari pengiklan anda sendiri. Bayangkan segala kerja yang perlu dikerjakan untuk mencari perniagaan lain mengiklankan produk, yang akan menarik minat pengunjung yang khusus melawat laman web anda. Daripada anda berbuat demikian, Google membawa mereka kepada laman web anda untuk pengiklanan. Proses ini menjimatkan masa dan juga memberikan keuntungan yang banyak. Ia juga mendatangkan pengiklan yang bermutu tinggi. Kebanyakan syarikat gergasi dunia iklan melalui Google!

AdSense intuitif, maksudnya ia membaca isi laman web atau blog kemudiannya memilih iklan yang relevan sahaja untuk dipaparkan. Jadi jika anda mempunyai blog tentang kucing, AdSense tidak akan memaparkan iklan tentang peluang kerjaya dari rumah. Iklan AdSense amatlah hebat kerana relevan dengan topik dan isi laman web anda dan ini bermakna peluang pembaca mengkliknya adalah cerah.

Bagaimana AdSense berfungsi adalah dengan hanya memaparkan iklan yang berkaitan dengan topik yang anda tulis. Sebagai contoh, dalam blog tentang anjing, AdSense akan memaparkan iklan seperti makanan peliharaan haiwan, kursus melatih anjing dan pelbagai produk dan servis yang relevan, yang akan menarik minat pengunjung untuk mengkliknya. Anda tidak akan nampak iklan yang tidak relevan seperti produk melangsingkan badan atau skim cepat kaya.

Tambahan pula, apa yang membuatkan AdSense hebat ialah kebolehannya menjadi sehati dengan tema dan penampilan laman web atau blog anda. Ini membuatnya kurang nampak seperti suatu iklan tapi natural dengan blog anda. Walaupun pengunjung laman web atau blog tidak mahu lihat iklan secara terang-terangan, mereka melihat iklan AdSense sebagai sebahagian daripada isi kandungan atau pautan. Dua sebab mengapa ini baik. Pertama, anda tidak mahu dilihat seperti orang yang mengambil kesempatan daripada pembaca. Kedua, blog anda tidak nampak penuh berserabut dengan iklan. Anda tidak mahu pengunjung nampak beberapa jenis iklan seperti di papan kenyataan tapi iklan yang sehati dengan warna dan topik yang dibincangkan. AdSense melakukan kesemua ini dengan baik sekali dan proses ini amatlah mudah dengan blog yang disediakan oleh Blogger.com.

AdSense tidak membenarkan anda memilih iklan untuk dipaparkan, tapi ia memastikan iklan yang dipaparkan menepati isi kandungan laman web. AdSense juga membenarkan anda menghalang iklan pesaing daripada dipaparkan di laman web. Jika blog anda menjual *goat cheese* (sejenis keju yang khusus), maka anda tidak sekali mahu iklan pesaing anda muncul. Google memahami perkara ini dan itulah sebabnya ia memberikan fungsi halangan ini. Fungsi ini boleh dilakukan di konsol AdSense dan kita akan menceritakannya kemudian dalam eBuku ini.

Bagaimana AdSense Tahu Iklan Apa Untuk Dipaparkan?

Enjin AdSense Google kerap menghantar botnya, dipanggil Googlebot, untuk melawat laman web anda dan menganalisa akan halamannya. Bot ini adalah hanya satu program yang membaca laman web anda. Googlebot akan melihat kata kunci anda, struktur dan format web, bahasa yang digunakan dsb...Berdasarkan maklumat ini, Google kemudiannya akan menghantar iklan AdSense yang mungkin mempunyai daya tarikan yang kuat supaya pengunjung akan mengkliknya.

Googlebot juga akan memberitahu AdSense sekiranya blog anda ditulis di dalam bahasa lain selain daripada Bahasa Inggeris . Dengan ini, iklan AdSense yang akan dipaparkan akan mengikut bahasa yang terdapat dalam laman anda. Tidaklah begitu elok sekiranya iklan Bahasa Inggeris dilihat pada laman Sepanyol dan sebaliknya . AdSense boleh didapati dalam pelbagai bahasa dan kawasan diseluruh dunia. Iklan yang akan dipaparkan di blog anda adalah daripada kawasan anda sendiri dalam bahasa tempatan .

Semakin lama laman anda wujud, dan semakin lama Googlebot memeriksa laman anda, semakin banyak iklan yang berkait rapat dengan isi laman anda akan dipaparkan. Pada awalnya, bot mungkin silap mentafsirkan maksud blog anda jika anda tidak melakukan kerja yang baik dengan meletakkan pelbagai kata kunci yang relevan. Jika anda mempunyai blog tentang kopi, tetapi anda banyak bercerita tentang anak anda dalam mesej yang diposkan, anda mungkin akan menerima iklan yang menarik minat pembaca tentang blog kanak-

kanak. Jika anda ingin membuat duit melalui blog, selalunya anda perlu tetap pada satu topik supaya Googlebot dapat membaca dan mengenal pasti iklan yang sesuai untuk dipaparkan dalam blog anda.

Dengan mengetahui tahap standard yang dicari oleh Google pada website anda melalui Googlebot, dan memastikan blog anda memenuhi standard tersebut, menjadikan AdSense berkesan untuk anda. Atas sebab yang tidak diketahui, AdSense lebih menyukai laman yang mempunyai lebih banyak tulisan berbanding gambar. Googlebot juga melihat tulisan yang lebih besar dan berhuruf tebal (*bold*) adalah lebih penting berbanding tulisan yang biasa. Ini bermakna mengedepankan kata kunci yang besar dan berhuruf tebal akan membantu AdSense mengenalpasti subjek pada blog anda dengan lebih baik. Ini juga bermakna anda perlu mengurangkan penggunaan gambar dan penulisan perlulah selalunya berkaitan dengan topik blog. Jika anda mahukan blog yang mempunyai banyak gambar, anda mungkin boleh memulakan blog kedua dan kemudiannya membuat pautan pada kedua-dua blog tersebut pada hos yang sama.

Satu petua untuk penulis blog ialah memastikan setiap mesej yang diposkan ke blog dimulakan dengan tajuk yang besar dan berhuruf tebal. Ianya sungguh cepat dan mudah untuk dilakukan dan sangat berkesan bagi AdSense. Jika blog anda adalah tentang katak, dan anda meletakkan perkataan katak pada tajuk dengan besar dan berhuruf tebal pada permulaan mesej yang diposkan, Googlebot akan memahami bahawa blog anda adalah tentang katak. Dengan mengambil sedikit masa untuk melakukan perkara yang mudah ini akan dapat memastikan Googlebot memahami isi blog anda dengan lebih cepat dan akan memaparkan iklan AdSense yang berkaitan. Ia

akan kelihatan natural sahaja dan tidak akan mengganggu pembaca. Ianya juga lebih menjimatkan masa daripada menggunakan cara yang lain oleh penulis blog seperti kata tag khas atau enjian carian.

Satu lagi petua AdSense yang bagus ialah anda pastikan kata kunci dalam topik anda digunakan lagi dalam isi kandungan. Sebagai contoh, jika blog anda tentang "ayam", mesti pastikan perkataan ayam tertulis dalam semua tajuk mesej blog. Anda juga mesti pastikan telur ayam, bulu ayam dan perkataan lain yang berkaitan, disebut seberapa banyak yang mungkin dalam isi mesej. Semakin banyak kata kunci tertulis dalam tajuk dan mesej yang relevan, semakin mudah AdSense untuk hanya memaparkan iklan yang relevan sahaja. Anda akan mendapat kadar *click through* yang lebih tinggi daripada iklan yang relevan dengan tajuk blog. Cuba ingat kembali semasa anda klik pada iklan Google AdSense di laman web orang lain. Terus terang dikatakan, adakah anda mengkliknya kerana ia relevan dengan topik yang dibincangkan? Sudah semestinya!

Walaupun begitu, anda tidak mahu bebankan mesej-mesej blog dengan kata kunci yang banyak. Pembaca mahu tahu bahawa anda menulis bukan untuk buat duit tapi untuk mereka baca. Dengan menulis ayat yang berbunyi; "ayam dalam reban ayamku dalam proses menetas lebih banyak telur ayam..." menyerupai satu ayat. Saya cuba gunakan perkataan "ayam" seberapa banyak yang mungkin. Memanglah mesti ada keseimbangan di antara mesra pembaca dan mesra Googlebot yang menentukan iklan AdSense di laman web anda. Daripada menyumbat dengan kata kunci yang banyak, cuba buat lebih banyak ayat atau gunakan kata kunci dalam tajuk dan perbanyakkan lagi ayat dalam mesej pos anda.

Anda juga tidak mahu tampil seolah anda dirikan blog dengan beberapa kata kunci hanya untuk AdSense. Anda juga tidak mahu tiru isi kandungan daripada laman percuma seperti wikipedia. Blog seperti ini dipanggil splog (singkatan *spam* dalam blog) dan melakukannya akan menyebabkan anda terkeluar dari program AdSense dan juga Blogger. Anda perlukan isi kandungan blog yang asli dan baik, bukan hanya beberapa kata kunci. Dengan splog, untuk seketika anda boleh dapat kedudukan enjin carian yang tinggi tapi mengapa pembaca mahu melawat atau kembali ke blog anda jika ia hanya mengandungi beberapa kata kunci dan iklan untuk diklik?

Googlebot akan mengambil masa untuk melawat laman web anda dan menentukan topik utamanya. Jika laman web anda baru pada AdSense, Google tidak akan meneka topic laman anda tapi ia akan meletakkan iklan meminta sumbangan atau servis pemberitahuan umum supaya tidak membazirkan wang pengiklanan klien Adword. Ini adalah suatu yang bagus untuk anda. Perkara yang terakhir anda mahukan ialah melihat iklan di blog yang tiada langsung relevan dengan topiknya. Dengan meletakkan iklan neutral, Google telah menyelesaikan masalah ini.

Daripada Manakah Datangnya Iklan?

Wajarlah saat ini anda mungkin tertanya-tanya daripada manakah datangnya iklan yang Google paparkan. Google mempunyai satu lagi program yang dipanggil AdWords dimana syarikat perniagaan dan individu boleh mengiklankan laman web mereka melalui AdSense. Pengiklan dijamin bahawa iklan mereka akan dipaparkan dalam laman

web yang relevan dengan produk atau servis yang mereka tawarkan. Sepertimana AdSense menjimatkan masa daripada mencari pengiklan untuk laman web anda, AdWords juga menjimatkan masa, tenaga dan wang bagi perniagaan yang mahukan iklan mereka diiklankan di laman web yang relevan tanpa mereka sendiri perlu mencarinya.

Dengan menggunakan program AdWords, perniagaan dan individu membeli iklan AdSense dalam kadar yang banyak dengan membidanya. Amnya, sebuah perniagaan akan membayar untuk 500-1000 iklan dalam satu-satu masa. Berdasarkan kata kunci yang ditetapkan, sebuah perniagaan membenarkan AdSense memaparkan iklannya dalam laman web yang akan menarik minat pembaca yang bakal menjadi pelanggannya.

Mengambil contoh sebelum ini, blog tentang ayam, jika anda seorang peniaga ayam telur atau pembekal peralatan aksesori industri ayam, anda akan mahu iklan dipaparkan dalam blog tentang ayam. Inilah yang dilakukan oleh AdWords dan AdSense. Ia melakukannya dengan baik sekali bagi pihak pengiklan dan pemilik ruang iklan. Perniagaan ayam telur mahukan pencinta ayam dan, blog tentang ayam adalah tempat yang mudah untuk jumpa mereka. Blog itu pula mahukan iklan yang menarik perhatian pencinta ayam dan, iklan perniagaan ayam telur adalah salah satunya.

Sepertimana AdSense boleh menjadi cara yang baik untuk buat duit daripada pengiklanan, AdWords juga boleh menjadi cara yang baik untuk mengiklankan perniagaan atau pun blog anda! Sekiranya anda mencari pengunjung trafik sasaran, tiada cara yang lebih baik daripada AdWords di mana ia akan memaparkan iklan dalam laman

web yang relevan? Hanya inilah cara yang paling mudah. Sekiranya blog anda mempunyai topik yang unik dan susah untuk dapat trafik, anda boleh membeli pengiklanan AdWords dan pautan blog anda akan dipaparkan dalam laman yang relevan dan ini akan menghasilkan trafik tambahan. Dengan itu, anda akan mendapat lebih banyak klik pada iklan AdSense dan berkemungkinan besar akan mendapat duit yang lebih banyak daripada kos pengiklanan AdWords itu tadi.

AdSense Untuk Menghasilkan Pendapatan

Banyak laman web dan blog menggunakan AdSense untuk mendapatkan pendapatan. AdSense adalah bagus untuk mendapatkan pendapatan kerana ia menyelaraskan iklan dengan isi kandungan laman web anda. Dengan hanya sekali pasang, AdSense juga memberikan anda peluang untuk menjual ruang iklan dan selepas itu boleh melupakannya, hanya perlu selaraskan sedikit lokasi blok iklan AdSense dalam laman web anda. Pendapatan pasif adalah pendapatan yang terbaik kerana ia membebaskan anda untuk melakukan kerja lain sementara AdSense sibuk menjanakan wang untuk anda.

Jika anda meluangkan sedikit masa dalam proses meletakkan kotak iklan AdSense dalam laman anda, dan memastikan tajuk dan isi kandungan penulisan anda adalah selari dengan topik blog, maka anda boleh membuat duit dengan AdSense tanpa perlu berfikir panjang lagi. AdSense merupakan punca pendapatan pasif yang sungguh hebat. Pendapatan pasif adalah sangat berharga dan sangat penting. Pendapatan pasif ialah menerima duit tanpa membuat kerja setiap hari. Ia merupakan satu kerja di mana anda memulakannya

sekali sahaja, kemudian anda boleh berehat dan menerima duit daripadanya dari semasa ke semasa.

Salah satu cara untuk menerbitkan blog yang menghasilkan duit dengan jayanya ialah dengan mencari topik yang unik bagi blog anda. Mencari topik yang unik bermaksud anda tidak perlu memiliki banyak laman web untuk bersaing dalam enjin carian. Dengan cara ini, anda dapat menarik ramai pengunjung natural ke blog anda melalui enjin carian dan kemudiannya mereka akan mengklik pada iklan AdSense anda.

Terdapat pelbagai buku yang ditulis untuk mencari "topik" yang akan menjadikan sebuah blog terbaik untuk menghasilkan duit. Namun, cara yang paling mudah ialah dengan mencari topik yang anda minat dan lihat berapa banyak laman yang berkaitan di dalam hasil carian Google, semakin sedikit laman, semakin baik topik tersebut. Anda perlu faham bahawa apa saja topik yang anda cari, hasilnya adalah bertan-tan. Carian topik yang hasilnya lebih rendah daripada dua juta berkemungkinan menjadi pilihan yang baik bagi topik blog anda. Jika hasil carian melebihi sepuluh juta, ia bukanlah topik yang terbaik untuk dipilih.

Jika anda memilih topik ayam bagi blog anda, ianya lebih mudah untuk mendapat kedudukan yang lebih tinggi dalam enjin carian berbanding dengan topik komputer. Terdapat berjuta-juta laman mengenai komputer, laman yang cukup besar yang dikhaskan untuk topik ini. Anda perlu bersaing dengan hebat untuk mendapat kedudukan yang tinggi dalam topik ini. Kenapa perlu bersaing dengan IBM dan DELL bila mana anda boleh mencari sesuatu topik

yang lebih mudah untuk blog anda? Adalah tidak munasabah jika anda masih hendak mencubanya. Berpeganglah pada kata kunci yang sedikit hasil cariannya dan anda akan lihat perjalanan dan pendapatan AdSense lebih bagus.

Peraturan AdSense

Apabila anda mendaftar AdSense di Google, anda akan diminta untuk membuat persetujuan dengan perjanjian syarat perkhidmatan.

Perjanjian ini perlu anda baca dan fahami segala yang terkandung di dalamnya.

Google mempunyai peraturan yang terperinci tentang apa yang anda boleh dan tidak boleh lakukan dengan iklan AdSense dan Google amat serius dengan peraturan mereka. Contohnya, anda tidak dibenarkan meminta pembaca anda mengklik pada pautan iklan AdSense. Anda dilarang mengklik pautan AdSense pada laman anda sendiri. Anda juga dilarang meletakkan pautan AdSense Google pada mana-mana laman, *pop-ups*, *pop-unders* yang mempunyai bahan lucah. Anda hanya dibenarkan untuk meletak tiga kotak AdSense pada setiap laman web. Dengan memahami syarat dan peraturan perjanjian AdSense, ia akan dapat membantu anda beretika dalam mendapatkan keuntungan dengan program ini. Jika anda tidak mengendahkan syarat dan peraturan perjanjian tersebut, banyak masalah yang akan timbul dan anda mungkin anda akan diberhentikan daripada program ini buat selama-lamanya.

Google dapat mengesan laman yang direka dengan pelbagai isi kandungan yang remeh yang bertujuan untuk mendapatkan klik bagi

AdSense. Google tidak menyukai splog dan akan menghambatnya dengan begitu hebat dan menggalakkan penulis blog untuk melaporkan kepada Google sekiranya mereka menemui splog dalam talian. Laman jenis ini biasanya meniru isi kandungan daripada laman lain, dan meletakkannya pada laman mereka semata-mata untuk mendapat tempat bagi AdSense. Ini adalah bertentangan dengan polisi Google dan mereka akan menarik balik iklan AdSense daripada laman ini bila mereka dapat mengesan dan menemuinya. Sebagai penulis blog yang beretika, perkara seperti ini adalah baik untuk anda kerana ini akan dapat menghalang splog daripada mendapat kedudukan yang tinggi dalam carian berbanding blog anda yang sebenar dan sah, yang mana anda telah menghabiskan masa untuk membina dan mengemaskinikannya.

Program Carian AdSense

Google juga menawarkan program tambahan kepada AdSense yang dinamakan "Carian untuk AdSense". Program ini membenarkan anda menjadi hos bagi kotak carian Google pada laman atau blog anda. Apabila pengunjung membuat carian melalui kotak carian di blog atau laman anda, anda akan dibayar sekiranya mereka membeli sesuatu dalam talian daripada carian tersebut. Google tidak membayar anda atas carian yang dibuat tetapi pembayaran dibuat atas pembelian yang dibuat pada mana-mana tempat hasil carian daripada laman web anda.

AdSense for Search dapat menjadi penjana pendapatan yang hebat untuk anda. Andaikan topik blog ialah tentang memperbaiki peralatan.

Seseorang telah menemui laman anda dan dia mencari maklumat tentang masalah mesin basuh yang sedang dihadapinya. Anda mempunyai kotak carian Google pada blog anda. Setelah pengunjung membaca cadangan dan saranan anda, dia membuat keputusan untuk membeli mesin basuh baru. Mungkin anda ada membuat ulasan tentang mesin basuh yang bagus, yang mungkin dia akan pertimbangkan untuk membelinya. Jika dia membeli mesin basuh tersebut anda akan memperoleh sedikit hasil daripada pembelian tersebut kerana cariannya bermula di blog anda. Hebatkan? Apa yang perlu anda lakukan hanyalah menjadi hos bagi kotak carian di blog anda!

Berapa Banyak Duit Yang Boleh Diperoleh Melalui AdSense?

Semua ini kelihatan senang setakat ini dan anda tentu mahu tahu banyak mana duit yang boleh anda peroleh melalui AdSense dan Carian untuk AdSense, bukan? Jawapannya adalah bergantung ... Maaf, saya tahu ia bukan jawapan yang baik, ataupun jawapan yang anda harapkan, tetapi inilah jawapan yang terbaik yang boleh diberikan. Jika seseorang memberi jawapan selain daripada ini, bermakna dia penipu!

Google tidak mengumumkan berapa banyak yang telah dibayar untuk klik yang dibuat. Duit yang boleh anda buat melalui AdSense dan Carian untuk AdSense banyak bergantung kepada jumlah trafik laman anda dan berapa banyak anda mendapat klik pada iklan Google. Semakin banyak pengunjung ke laman anda, semakin tinggillah potensi klik yang akan anda terima. Tiada siapapun yang tahu berapa

ramai pengunjung akan klik pada iklan anda. Adalah mustahil untuk mengetahuinya.

Apa yang diketahui kebanyakan orang dengan pasti tentang AdSense ialah ada sesetengah klik akan dibayar beberapa sen dan selebihnya akan dibayar beberapa ringgit untuk satu klik. Semuanya bergantung pada topik yang spesifik dan kata kunci yang spesifik untuk iklan . Atas sebab-sebab yang jelas, Google tidak memberitahu klik yang mana akan dibayar lebih atau kurang. Ini adalah salah satu perkara yang anda perlu cuba dan teka !


Satu perkara terbaik yang anda boleh lakukan untuk menjamin pendapatan yang bagus daripada AdSense ialah menyediakan blog yang bermutu dengan topik yang baik, selalu mengedarkan penulisan yang berkualiti, dan mempromosikan laman untuk mendapatkan pengunjung seramai mungkin. Dengan cara ini , anda akan memperoleh sebanyak mungkin duit daripada AdSense tanpa perlu membuat tipu helah dengan Google dan pembaca anda.

Bab 3

Bagaimana Memulakan Blogger Google

Cara paling mudah memulakan blog adalah dengan menggunakan Blogger. Blogger merupakan satu servis blog yang ditawarkan oleh Google dan ia amatlah bermutu tinggi dan mudah untuk digunakan. Dengan menggunakan blog di Blogger, anda tidak perlu tahu langsung pengaturcaraan HTML atau kemahiran reka bentuk web. Blogger menawarkan beberapa templat yang standard, oleh kerana itu, ia adalah suatu perkara yang mudah untuk digunakan sepertimana kebanyakan aplikasi e-mel. Jika anda tahu hantar e-mel, anda boleh belajar membuat blog!


Untuk memulakan blog dalam Blogger, pergi ke laman web berikut <http://www.blogger.com> dan anda akan lihat skrin berikut:



Daripada skrin utama Blogger ini, klik pada arrow besar berwarna jingga yang tertulis "Create Your Blog Now" (Cipta Blog Anda Sekarang). Ini akan membawa anda kepada langkah pertama dalam memulakan blog anda iaitu skrin "Create an Account" (Membuka Akaun).

Penyediaan Blogger, Langkah 1 – Membuka Akaun

Untuk membuka blog anda dalam Blogger, anda hanya perlu mengambil tiga langkah mudah. Pertama, membuka satu akaun Blogger/Google. Untuk itu, anda hanya perlu isikan maklumat yang diminta bersama dengan e-mel anda yang sedia ada, kata laluan pilihan anda, nama paparan pilihan anda, masukkan perkataan pengesahan, dan tandakan kotak persetujuan dan pemahaman anda mengenai "Syarat dan Terma Servis" (Terms of Service) Blogger. (Ya, anda patut baca Syarat dan Terma Servis!)



Pengesahan perkataan dalam Blogger ialah untuk memastikan bahawa yang menggunakan ruang web Blogger adalah orang dan bukannya program perisian. Ciri ini adalah sebagai satu langkah keselamatan Google dalam Blogger untuk menyelamatkan laman webnya daripada *spam* dan kegunaan yang tidak sewajarnya.

Setelah anda memasukkan kesemua maklumat yang diminta pada skrin "Creat an Account", klik pada butang "Continue" (Teruskan) yang berwarna jingga. Ini akan membawa anda kepada skrin "Name Your Blog" (Namaka Blog Anda) iaitu langkah kedua untuk memulakan blog.

Penyediaan Blogger, Langkah 2 – Menamakan Blog

Pada skrin "Name Your Blog", anda akan memasukkan suatu tajuk blog yang akan menjadi alamat URL Blogger yang unik untuk blog anda. Kemudian sekali lagi anda perlu memasukkan perkataan pengesahan.

Menamakan blog anda dengan baik boleh menjadi suatu perkara yang penting untuk berjaya menjana pendapatan daripadanya. Adalah suatu idea yang bijak menamakan blog anda dengan suatu yang mudah diingat dan selaras dengan isi kandungannya. Daripada menamakannya "Blog Jane," namakanlah dengan suatu nama yang mudah diingat oleh pengunjung serta suatu yang membuatkan pengunjung mahu datang kembali di masa akan datang.

Jika nama anda ialah "Jane" dan tajuk penulisan utama blog anda adalah tentang mengait kain (knitting), maka blog anda mungkin boleh dinamakan "Jane Pakar Mengait Kain" atau yang serupa dengannya. Dalam menamakan blog, anda bebas untuk menggunakan imaginasi tetapi cuba pastikan ia pendek dan mudah diingat.

Setiap blog di Blogger mempunyai URL yang unik seperti ini:

http://www.____.blogspot.com


Blogger membenarkan anda untuk mengisikan perkataan atau beberapa perkataan di ruang yang kosong itu sebelum perkataan "blogspot" dalam URL tersebut. Sepertimana pentingnya nama blog anda, apa yang anda pilih untuk diisikan di sini akan membantu orang lain menemui blog anda di internet. Dalam URL ini, adalah menjadi satu amalan yang baik dengan hanya menggunakan beberapa patah

perkataan dan jadikan ia sama dengan nama blog anda. Untuk contoh ini, alamat URL berikut adalah sesuai:

<http://www.PakarMengaitPakaian.blogspot.com>

manakala <http://www.JanePakarMengaitKain.blogspot.com> menjadi agak panjang untuk diingati atau ditaip, jadi ia mungkin tidak ideal untuk digunakan.

Skrin "Name Your Blog" adalah seperti ini:




Selepas anda berpuas hati dengan tajuk blog baru anda iaitu URL Blogger yang unik dan sudah memasukkan perkataan pengesahan, klik pada butang "Continue" yang berwarna jingga. Ini akan membawa anda kepada skrin "Choose Template" (Pilih Templat) iaitu langkah ketiga dalam memulakan blog.

Penyediaan Blogger, Langkah 3 – Pilihan Templat

Blogger menggunakan pelbagai templat standard prarekabentuk agar menjadikan blog anda kelihatan profesional dan menarik. Dengan menggunakan templat tersebut, daripada penulisan blog yang pertama anda boleh memiliki blog yang hebat rupanya walaupun jika anda tidak tahu apa-apa pengaturcaraan HTML atau mempunyai apa-apa pengalaman mereka bentuk laman web!

Langkah terakhir dalam memulakan blog dengan Blogger adalah memilih templat daripada tersenarai. Pilihlah sebuah templat yang estetikanya memuaskan anda dan padan dengan tema blog anda. Ketahuilah bahawa anda boleh menukar templat dan pelbagai aspek lain Blogger pada bila-bila masa saja.




Daripada skrin "Choose a Template", anda akan perlu memilih templat dengan mengklik butang radio templat pilihan tersebut. Kemudian klik

pada butang "Continue" yang berwarna jingga. Ini akan membawa anda ke skrin "Your Blog Has Been Created" (Blog Anda Telah Pun Dicipta).

Tahniah, Kini Anda Memiliki Blog dalam Blogger!

Dengan selesainya ketiga-tiga langkah itu tadi, anda kini memiliki blog anda sendiri!



Dengan mengklik pada butang "Start Posting" (Mula Pencatatan) anda akan dibawa kepada skrin tab "Posting" di dalam Blogger Dashboard (Papan Pemuka Blogger) anda.

Penggunaan Dashboard dalam Blogger


Blogger merujuk kepada skrin pentadbiran blognya sebagai Dashboard. Seperti papan pemuka dalam kereta, di sinilah tempat di mana kesemua fungsi penting dikawal. Dari sinilah anda akan menaip mesej ke dalam blog atau mengubahsuai imej dan setting blog anda.

Walaupun Dashboard nampak sedikit menakutkan, sebenarnya ia adalah alat yang amat mudah untuk digunakan. Pengaturcara di Google telah mereka ciptanya supaya sesiapa saja yang mahukan blog sendiri boleh menggunakannya.

Dashboard Blogger mempunyai tiga tab; *Posting*, *Settings* dan *Template*.

Mengepos Mesej

Jika anda klik pada tab Posting, anda akan dibawa kepada skrin di mana anda boleh mengepos mesej, mengedit mesej dan menyelia komen dalam blog anda. Anda hanya perlu klik tab "Posting" jika ingin megepos mesej ke dalam blog. Sebaik saja anda buat demikian, anda akan dibawa kepada skrin "Create Post" (Cipta Mesej Yang Akan Diposkan) seperti berikut:



Untuk pos mesej ke dalam blog baru anda, hanya perlu taip sebuah tajuk dan teks mesej, sama seperti jika anda menghantarkan mesej e-mel.

Apabila anda selesai menaip mesej, anda boleh klik sama ada butang "Save as Draft" (Simpan sebagai Draf) atau "Publish" (Menerbitkan) mesej anda ke dalam blog untuk tatapan umum. Jika anda membuat kesilapan, walaupun selepas menerbitkannya, hanya perlu klik pada "Edit Posts" yang ada dalam skrin sedia ada ini. Di sini anda boleh mengedit semula mesej tadi dan menerbitkannya semula.


Blogger juga memberikan anda pilihan untuk menyelia komen dalam blog anda. Ini bermakna anda menentukan siapa yang boleh memberi komen dalam blog anda. Anda boleh membenarkan komen daripada sesiapa saja atau hanya daripada mereka yang berdaftar dengan Blogger. Anda juga boleh mengaktifkan pengesahan perkataan untuk memastikan komen yang ditaip adalah daripada pengunjung blog

anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk meluluskan sebarang komen sebelum ia dipaparkan untuk tontonan umum. Ini berguna jika seseorang spam dengan komennya atau memberi komen yang menyakitkan hati di dalam bahagian komentari blog anda.

Setting Blogger

Tab "Settings" dalam Blogger memberikan anda kawalan kepada Basic Settings (Kawalan Asas), Publishing (Penerbitan), Formatting (Pengformatan), Comments (Komentari), Archiving (Pengarkiban), Site Feed, E-mail (Emel) dan Permissions (Pengizinan) dalam blog anda. Di sinilah anda boleh menukar tajuk blog, membuat keterangan mengenai blog dan lain-lain pengubahsuaian yang menyentuh hal penampilan blog untuk anda dan pembaca anda.

Di sini anda mesti pastikan dalam keterangan blog tersebut mengandungi banyak kata kunci. Jika blog anda tentang kambing, maka anda perlu pastikan keterangan anda ada menyebut tentang kambing, kaki kambing, penternakan, pemerahan susu dsb...Gunakan apa saja perkataan yang anda boleh fikirkan untuk menjadi kata kunci dan masukkan ke dalam keterangan anda. Ini akan membantu kedudukan blog anda dengan enjin carian dan mengoptimumkan iklan AdSense anda. Ambil manfaat sepenuhnya daripada kotak keterangan blog anda ini.



Templat Blogger

Walaupun kebanyakan perkara yang anda akan lakukan dalam Blogger tidak memerlukan pengetahuan pengkodan HTML, tapi templat anda ialah satu perkara yang mungkin anda perlu belajar sedikit mengenai HTML dan mengetahui sedikit fungsi beberapa variasi rentetan kod HTML dalam templat anda.


Jika anda hanya mencipta sebuah blog untuk memberitahu keluarga anda mengenai kehidupan anda, mungkin anda tidak perlu prihatin tentang pengkodan templat. Anda akan memilih satu templat Blogger yang standard dan mungkin perubahan besar yang akan anda lakukan dimasa akan datang ialah hanya dengan memilih templat standard yang lain, untuk mengubah imej blog anda. Oleh kerana kita sedang membincangkan tentang menghasilkan wang daripada blog, anda

perlu tahu beberapa pengaturcaraan asa HTML berkaitan dengan templat blog anda. Di mana anda meletakkan rentetan kod di dalam templat tersebut akan memberi kesan, di mana ia akan dipaparkan di skrin.

Walaupun HTML di dalam templat nampak rumit, sebenarnya apa yang perlu anda tahu bukanlah sesukar mana untuk dipelajari. Anda akan cepat pelajari bahawa HTML ialah sejenis pengkodan yang agak mudah dan ia boleh dipelajari dengan sedikit amali. Terdapat banyak laman web, mahu pun buku seperti "Pengenalan HTML Untuk Orang Baru" atau seumpamanya, boleh mengajar anda asas pengaturcaraan HTML. Adalah suatu tindakan bijak merujuk kepada laman web yang bagus atau buku, apabila anda mula bermain dengan templat Blogger.

Wajar ambil perhatian, jika anda **sentiasa** menyimpan satu salinan templat anda, bila ada sesuatu yang tidak kena, maka anda boleh saja guna balik templat yang asal. Blogger dicipta dengan ciri-ciri supaya anda boleh membuat Salinan Sandaran (Backup) dan Mengembalikan (Restore) templat dengan mudah. Selalu ambil tindakan ini sebelum mengubahsuai templat anda. Ia akan menyelamatkan anda daripada penyesalan dimasa akan datang. Jangan sekali membuat perubahan kepada templat anda tanpa membuat salinan sandaran terlebih dahulu.

Di bawah ini adalah tab "Template" di dalam Dashboard.



Di dalam bab berikutnya, “Signing Up for AdSense” (Menyertai AdSense), saya akan tunjukkan bagaimana untuk menambahkan rentetan kod AdSense ke dalam templat anda. Kita juga akan membincangkan dengan khusus di mana untuk tambah kod tersebut di dalam templat dan di mana ia akan dipaparkan dalam blog anda. Walaupun ia nampak menakutkan tapi sebenarnya ia mudah untuk dilakukan.

Sebagaimana anda lihat, untuk membuka akaun Blogger adalah process yang mudah. Perkara pertama sekali yang perlu dilakukan untuk membuat duit dengan blog adalah memulakannya di Blogger dan kemudian terokai serta biasakan dengan Dashboardnya. Google telah melakukan suatu perkara yang bagus dengan skrin “Help” (Bantuan) dalam Blogger. Banyak persoalan yang akan anda tanya tentang blog anda, templat dan malahan HTML, Google sudah

sediakan arahan dan penerangan mengenainya. Sementara membiasakan diri dengan blog baru anda, anda disarankan untuk membaca bahagian "Help" terlebih dahulu. Google faham bahawa anda akan mahu menambahkan AdSense dan melakukan perubahan sedikit di sana sini dalam blog anda, jadi Google telah memudahkan seberapa banyak yang mungkin untuk anda.


Bab 4

Menyertai AdSense

Setelah blog anda dicipta dalam Blogger, sangat mudah sekali untuk menyertai AdSense. Pertama sekali anda perlu buat adalah pergi kepada Konsol AdSense yang terletak dalam talian di:

<https://www.google.com/adsense/>

Di laman permulaan AdSense anda perlu klik pada butang "Click Here to Apply" (Klik Disini untuk Memohon).



Mengklik pada butang "Apply" (Memohon) akan membawa anda kepada skrin kedua penyertaan, di mana anda akan memasukkan alamat

URL blog anda, nama anda, alamat surat menyurat, nombor telefon dan maklumat asas diri anda yang lain.

Anda juga mesti tandakan kotak persetujuan bahawa anda sekali-kali tidak akan mengklik pada iklan Google AdSense anda sendiri, anda tidak akan meletakkan iklan dalam laman yang mempunyai insentif untuk mengklik pada iklan, tidak akan meletakkan iklan dalam laman yang mengandungi unsur lucah, anda boleh menerima cek atas nama anda sendiri dan anda telah membaca dan bersetuju dengan Polisi Program AdSense. Sila baca dan fahami akan Polisi Program ini!

Bahagian akhir Polisi Program AdSense adalah yang paling penting untuk anda baca. Pastikan anda memahaminya dengan sepenuhnya. Google amatlah peka tentang pematuhan terhadap arahan dan peraturan, terutamanya di dalam program AdSense. Anda sekali-kali tidak boleh mengklik iklan anda sendiri, anda tidak boleh meminta pembaca mengklik iklan AdSense dalam laman web anda dan anda mesti memahami di mana iklan AdSense boleh dan tidak boleh diletakkan. Memahami akan polisi dan peraturan AdSense mungkin boleh menyelamatkan anda daripada banyak masalah di masa depan.

Selepas anda memohon untuk hos AdSense di dalam blog anda, anda akan diminta mengesahkan permohonan anda itu tadi melalui alamat e-mel yang telah anda berikan. Untuk membuat pengesahan ini, hanya perlu buka e-mel anda dan klik pada pautan yang diberikan di dalam mesej yang dihantar oleh Google. Langkah ini memberi kepastian kepada Google bahawa anda adalah seperti yang anda katakan di dalam permohonan.

Selepas anda membuat pengesahan permohonan itu tadi, anda harus menunggu keputusan dari Google. Amnya, Google akan memberikan kelulusannya dalam masa dua atau tiga hari bekerja. Umumnya, program AdSense akan diberikan kepada sesiapa yang memohonnya. Mereka hanya mahu memastikan bahawa anda mempunyai laman web seperti yang anda katakan dan belum pernah mempunyai akaun AdSense sebelum ini. Mereka tidaklah melihat pada laman web anda itu sendiri dan apa yang terkandung dalamnya. Permohonan anda akan diterima walaupun blog anda hanya mempunyai satu mesej.


Semasa tempoh menunggu, tiada apa yang boleh anda lakukan dengan AdSense selain daripada memikirkan di mana anda mahu iklannya dipaparkan dalam blog anda. Oleh sebab itu, amatlah bijak untuk terus memohon AdSense setelah blog anda diciptakan, walaupun belum ada satu mesej pun dalam blog anda. Untuk proses kelulusan, selepas membuat permohonan, perkara pertama yang perlu anda lakukan ialah mengeposkan mesej ke dalam blog anda supaya Google boleh nampak yang anda membuat blog dan apa yang akan dibincangkan.

Selepas Anda Diluluskan untuk Mengguna AdSense

Selepas blog anda diluluskan untuk hos iklan AdSense, anda perlu tambah tiga blok iklan ke dalam templat Blogger anda. Bagaimana dan di mana anda membuat ini teramatlah penting seperti sejauh mana anda akan menjana pendapatan daripada AdSense. Anda mahu jadikan iklan sehati dengan templat, dan kepada pembaca anda, anda tidak mahu ia kelihatan jelas seperti suatu pengiklanan.

Dalam membaca terma dan syarat program AdSense, anda dapati bahawa anda dibenarkan untuk hos tiga blok iklan AdSense yang berasingan di dalam satu-satu laman web. Untuk blog di Blogger, anda mahu letakkan satu blok di bahagian atas halaman, satu lagi di dalam mesej teks anda dan yang terakhir pada sisi tepi iaitu di mana terletak senarai pautan. Lokasi tempat ini telah terbukti dalam membuat duit daripada AdSense oleh ramai penulis blog.

Matlamat utama anda dengan ketiga-tiga blok iklan ini adalah untuk menjadikan ia sebatian dengan bahagian lain blog anda, dan kepada pembaca anda, ia tidak kelihatan seperti suatu pengiklanan. Dalam perkara ini, Google telah membolehkan anda “sebatikan” iklan anda dengan templat pilihan anda. Untuk melakukan ini, anda perlu pergi ke Dashboard dalam Blogger dan klik pada Settings dan kemudian klik pada AdSense.



Notis di mana ia dikatakan “Blend Template” (Sebatian dengan Template) di bawah “Select Colors” (Memilih Warna), inilah pemilihan yang akan selalu anda gunakan! Amatlah penting untuk iklan AdSense anda sebatian dengan isi kandungan blog. Walaupun warna lain mungkin

nampak lebih cantik, pembaca tidak akan kerap mengkliknya jika ia berbau "iklan." Lebih baik mengikuti apa yang telah terbukti berkesan oleh penulis blogger lain iaitu cuma perlu sebatikan ia ke dalam templat anda.

Ke kiri "Select Colors" adalah kotak jatuh-turun "Select Ad Format" (Pilih Format Iklan). Ini membenarkan anda memilih saiz blok iklan AdSense. Saiz blok iklan itu ditentukan mengikut tempat yang anda mahu paparkan dan dilihat teratur dalam blog.

Lokasi Blok AdSense

Anda perlu letakkan ketiga-tiga blok yang Google berikan itu dalam blog anda. Lokasi terbaik untuk blok iklan yang pertama adalah di atas mesej anda. Pada medan "Select Ad Format", pilih format "468 x 15 Horizontal Row". Format ini akan sebatikan dengan baik pada blog anda dan akan nampak seperti senarai menu laman web biasa. Google akan meletak blok iklan ini dengan automatik di atas blog anda. Jangan ubah lokasi ini.

Untuk blok AdSense kedua anda perlu meletakkannya pada sisi bar blog anda. (Anda perlu jana kod ini mengguna Konsol AdSense, yang mana saya akan tunjukkan di dalam bab berikut eBuku ini).

Amnya, di bawah bahagian "pautan" ialah lokasi yang bagus untuk meletak blok iklan kedua. Jika anda memilih font dan saiz teks yang sama seperti pautan, anda boleh buat AdSense seolah nampak seperti pautan tambahan blog anda. Untuk berbuat demikian, pilih segi empat

tepat tegak, yang mana ia berfungsi dengan baik untuk ruang yang anda ada dan masukkan kod tadi ke dalam templat sejurus selepas pengkodan berikut:

```
<h2 class="sidebar-title">Links</h2>
<ul>
<li><a href="http://www.test.com/">Edit Me</a></li>
<li><a href="http://www.test.com/">Edit Me</a></li>
</ul>
```

Dengan meletakkan blok AdSense di akhir pautan anda, ia akan sebatu baik dengan pautan tersebut.

Blok AdSense yang ketiga patut ditambahkan supaya ia terpapar di dalam mesej teks yang anda poskan. Sekali lagi, anda perlu jana kod dalam Konsol AdSense dan kemuadian anda perlu memasukkannya di sini:

```
</BlogItem Title>
<div class="post-body" >
<div>
```

Dengan menampalkan blok ketiga bersama dengan isi kandungan mesej, anda akan meletakkan ia pada pemandangan pembaca, cukup untuk memungkin mereka klik padanya. Ini mungkin lokasi yang paling untung dari semua paparan iklan AdSense.

Jika anda tidak suka blok iklan bersama mesej teks anda, fikirkan untuk meletakkannya betul-betul di atas kaki mesej anda. Pembaca

anda akan nampak pautan ini dan menganggap ia sebagai cadangan bahan bacaan tambahan. Dan ingat, semakin mirip seperti rekomendasi, semakin ramai pembaca yang akan mengkliknya! Pokoknya, semakin banyak klik, semakin banyaklah anda membuat duit.

AdSense dan Grafik

Satu lagi petua bagus daripada penulis blogger berpengalaman, untuk membuat duit dengan AdSense letakkan satu gambar atau grafik betul-betul di atas iklan Google AdSense. Google mensyaratkan anda untuk meletakkan sempadan di antara imej dan iklan itu tadi, supaya tidak nampak iklan dan imej tadi seolah menjadi suatu perkara yang sama. Tetapi, dengan meletak iklan betul-betul di bawah grafik, mata pembaca anda akan ditarik oleh grafik dan kemudian dengan natural kepada iklan anda. Ini boleh menjadi salah satu cara yang berkesan untuk meletak AdSense di blog anda! Cuma pastikan anda patuh pada syarat Google iaitu mengasingkan iklan daripada imej.


Bab 5

Konsol AdSense

Setelah anda mempunyai akaun AdSense dan memasukkan blok iklan ke dalam blog anda, anda perlu belajar sedikit mengenai konsol AdSense, apakah ia dan apa ia boleh lakukan untuk anda. Untuk log masuk ke dalam Konsol AdSense, cuma pergi dalam talian kepada:

<https://www.google.com/adsense/>

Masukkan e-mel anda dan kata laluan untuk AdSense, yang anda gunakan sebelum ini semasa membuka akaun AdSense anda. Selepas berbuat demikian, anda akan nampak skrin Konsol AdSense yang berikut:




Tab Laporan AdSense

Konsol AdSense amatlah mudah digunakan. Halaman pertama yang anda nampak ialah halaman "Overview" (Gambaran Keseluruhan) kepada tab "Reports" (Laporan). Di sini anda akan tahu berapa jumlah cetakan (impression) halaman blog yang anda terima, jumlah klik pada iklan, kadar *click through* halaman dan pendapatan anda. Anda boleh lihat yang terkini, minggu ini, minggu lepas, pada mana-mana masa dsb... Dengan menggunakan gambaran keseluruhan, anda boleh mula memperbaiki lokasi iklan blok anda, dan lihat jika pendapatan anda meningkat atau menurun berdasarkan pada lokasi iklan blok anda. Satu perkara yang bagus di sini ialah anda boleh cuba lihat pada kadar *click through* dalam sehari. Alihkan iklan anda dan kemudian lihat jika kadar *click through* anda meningkat atau menurun. Lihat pada isi kandungan dalam beberapa hari dan tentukan jika satu-satu topik itu

kelihatan lebih menguntungkan. Jika itu adalah sebabnya, mungkin anda perlu membanyakkan kata kunci dalam isi kandungan anda. Matlamat anda adalah untuk mendapat kadar *click through* yang tertinggi.

Seperti anda boleh nampak pada grafik di atas, Google menahan pembayaran AdSense sehingga anda capai jumlah USD100 dan telah mengarahkan Google dengan khusus bagaimana untuk membayar anda. Ini membantu Google untuk merendahkan overhead dan potensi pendapatan anda tinggi.

Tambahan kepada pelbagai laporan yang mudah untuk digunakan, Google menawarkan satu Laman Diagnostik. Laman ini akan memberi amaran jika ada sesuatu masalah yang Googlebot jumpa pada laman anda. Melihat ini dari semasa ke semasa adalah idea yang bagus dan pastikan laman web anda, semuanya dalam keadaan baik.




Tab Penyediaan AdSense

Tab Penyediaan AdSense (AdSense Setup tab) dalam Konsol AdSense memberikan anda mencipta blok teks mengikut cita rasa sendiri, anda akan perlu menampalkannya ke dalam templat Blogger anda, dapatkan kod AdSense untuk Carian dan juga butang perujuk AdSense (AdSense referral button) yang anda boleh letak pada blog untuk jana pendapatan dengan mencadangkan laman web lain supaya menggunakan AdSense.

Daripada tab "AdSense Setup", dengan mudah anda boleh jana kod untuk blok iklan, ubah warna dan imej blok iklan anda, mengemaskinikan saluran anda dan gunakan "Competitive Ad Filter" (Penapis Iklan Pesaingan) untuk menapis apa-apa iklan daripada

laman web pesaing yang mungkin akan muncul dalam blok iklan AdSense anda.



Tab Akaun Saya


Di bawah tab “My Account” (Akaun Saya), anda cuma akan dapati maklumat peribadi dan kewangan anda. Di sinilah anda boleh kemas kini cara pembayaran atau alamat, akaun e-mel dsb....

Perlu Bantuan Tambahan AdSense?

Salah satu perkara yang bagus tentang Google adalah ia menganggap semua orang perlu beberapa penerangan bantuan yang jelas dan laman bantuan yang mudah digunakan. Ia telah melakukan kerja yang

cemerlang dalam menyediakan halaman "Help" (Bantuan) berkenaan AdSense. Dengan membaca skrin bantuan dalam AdSense, ia boleh bantu anda menggunakan fungsi AdSense dengan sebanyaknya dalam blog anda. Berbaloi anda meluangkan masa untuk biasakan diri dengan halaman ini dan isi kandungannya.

Di bawah ini adalah imej bagaimana skrin bantuan Google AdSense:



Bab 6

Mencipta Isi Yang Menarik

Setiap orang yang menulis blog ada dua matlamat yang sama iaitu menarik orang untuk membaca blog dan menarik minat pembaca supaya kerap datang balik sebanyak yang mungkin. Tidak kira apa yang anda buat atau tidak buat pada blog anda, dua matlamat ini adalah matlamat anda juga. Jika tiada pengunjung blog atau pengunjung tidak klik pada pautan iklan AdSense anda, maka anda tidak akan mendapat satu sen pun daripada blog anda. Konsepnya semudah itu.

Apa Yang Patut Saya Tulis dalam Blog Baru Saya?

Anda sudah melalui proses memulakan blog, meletakkan AdSense pada tempat strategik untuk mendapat klik yang banyak, tapi kini anda tiada idea langsung untuk menulis tentang apa. Dulu saya pun begitu juga. Kebanyakan kita penulis blog, hadapi masalah yang sama dulu. Kita mahu menulis blog, kita tahu bagaimana nak tulis beberapa perenggan atau dua, tapi bila berdepan dengan kotak teks mesej kosong dalam Blogger, kita terduduk kaku. Kita anggap tiada siapa akan membaca apa yang mahu kita katakan. Untuk seketika, kita hadapi sekatan penulis blog. Jangan bimbang kerana ada penyelesaiannya.

Salah satu cara yang terbaik untuk menjadikan blog anda popular (yang dimaksudkan di sini ialah blog anda mempunyai potensi untuk mendapatkan banyak duit), ialah dengan selalu kemas kinikan isi kandungan yang menarik minat pembaca dan lokasi iklan yang baik. Pada hemat saya, lokasi iklan adalah perkara yang mudah sekali. Yang susahnyanya, sekurang-kurangnya pada permulaan ialah memikirkan tajuk yang anda boleh tulis hari demi hari.

Sebenarnya anda mempunyai banyak pilihan tentang apa yang mahu dituliskan dalam blog. Tetapi ini boleh jadi satu bala daripada rahmat. Seperti seorang anak masuk ke dalam kedai permainan yang diberitahu boleh memiliki apa saja yang dia mahu. Ianya terlalu banyak. Apa yang mereka pilih? Ada banyak pilihan. Disuruh "tuliskan tentang apa saja yang awak mahu" samalah seperti anak itu; terlampau banyak sangat pilihan.

Untuk membantu anda dalam memutuskan topik blog, kenalah faham sedikit tentang bagaimana enjin carian dan AdSense berfungsi. Jika anda hanya berminat menulis tentang hal peribadi, blog yang bukan bertujuan buat duit, maka boleh tulis tentang apa saja yang anda mahu. Anda perlu hantar pautan blog kepada kawan dan ahli keluarga, kemas kini blog tentang kehidupan seharian anda dari semasa ke semasa, buat begini cukup. Tapi kalau anda mahu buat duit daripada blog anda, maka anda perlu tahu bagaimana untuk menarik pembaca ke blog, bagaimana supaya pembaca datang lagi dan lagi dan bagaimana mahu buat duit sebanyak mungkin daripada pengklikan pengunjung pada iklan AdSense anda.

Kita akan terokai Pengoptimuman Enjin Carian (SEO) dan fungsi AdSense dengan lebih lanjut pada bab lain dalam eBuku ini. Buat masa sekarang, amatlah penting kepada kejayaan blog anda bahawa anda harus faham yang anda perlu tahu serba sedikit tentang bagaimana SEO dan AdSense berfungsi, kerana ia dapat banyak membantu anda dalam memutuskan topik apa yang hendak diblogkan. Jika anda berminat dalam membuat duit dengan blog, maka anda perlu tahu topik manakah yang akan mendatangkan trafik daripada enjin carian. SEO boleh bantu memberikan beberapa pembaca, isi kandungan baru akan sentiasa mendorong semua pembaca anda untuk datang berulang kali dan iklan AdSense yang relevan pada blog anda akan bantu mendapatkan klik yang membuatkan duit untuk anda.

Dengan hanya melihat kepada SEO atau AdSense tidak akan menjamin kejayaan blog anda dengan sebarang topik khusus. Namun, maklumat yang diperolehi darinya boleh bantu anda ke arah yang betul. Gunakanlah kedua-dua ini sebagai panduan dalam membina blog anda dan semua isi kandungan. Ini adalah suatu kelebihan jika anda melakukannya.

Mendapatkan topik untuk blog anda

Fikir betul-betul tentang kehidupan anda. Fikir tentang kemahiran anda. Apakah pekerjaan anda? Apakah yang anda suka buat pada masa lapang? Apakah hobi anda? Apakah kemahiran unik anda? Anda sudah ada anak? Anda ada haiwan peliharaan? Apakah impian dan aspirasi anda? Apakah yang unik tentang diri anda? Apakah yang unik

tentang apa yang anda tahu berbanding dengan orang lain? Dengan mudah saja, anda boleh gunakan jawapan kepada soalan ini dalam mencari topik blog yang bagus.

Jika anda susah untuk menjawab soalan tersebut maka dapatkan seseorang yang rapat dengan anda dan suruh mereka menjawab soalan tersebut tentang anda. Dapatkan cadangan daripada orang lain tentang topik apa yang mungkin anda boleh tulis untuk blog anda. Selalunya anda tidak dapat lihat apa yang ada di depan anda tetapi orang yang rapat dengan anda boleh. Mungkin anda akan terkejut dengan idea bernas yang akan mereka lontarkan kepada anda. Dengar cadangan mereka. Jawab soalan tadi untuk diri sendiri dan putuskan satu topik yang bagus.

Perkara yang paling penting anda boleh buat ialah menulis blog tentang sesuatu yang menarik iaitu, menarik kepada anda dan kepada orang lain. Sama ada tentang sesuatu yang anda arif atau mempunyai keinginan untuk mempelajari sesuatu secara mendalam. Sebagai contoh, saya mungkin mendapati bahawa topik seperti “cat berwarna hijau limau nipis” akan jadi topik blog yang bagus untuk SEO dan AdSense, tetapi selepas menulis lebih kurang tiga mesej, apa lagi yang akan saya tulis yang mungkin menarik bagi sesiapa? Kemungkinan besar tidak ada sesuatu yang boleh ditulis selepas tiga mesej itu. Jadi cat berwarna hijau limau nipis bukanlah satu topik yang bagus untuk blog saya.

Anda perlu seimbangkan di antara SEO, lokasi iklan AdSense, pengetahuan anda di dalam bakal topik anda dan minat anda.

Mencari suatu topik yang anda minat dan berilmu tentangnya akan membantu anda menulis mesej teks yang menarik. Mesej anda tidak perlulah menjadi satu seni penulisan agung. Memadailah dengan ia menarik, menawan dan paling penting sekali agak kerap. Anda akan dapati menulis blog adalah suatu yang paling mudah dan amat menyeronokkan apabila anda pilih topik yang bagus untuk diri anda.

Percaya saya bila saya katakan anda memulakan blog untuk gagal jika anda pilih topik semata-mata berdasarkan kepada SEO dan AdSense, tetapi hakikatnya anda tidak meminati topik itu. Anda mungkin akan kehabisan idea untuk menulis perkara yang menarik dan pembaca anda akan jadi bosan dan tidak akan kekal bersama anda. Anda juga akan dapati bahawa anda tidak mempunyai motivasi yang diperlukan untuk jangka masa panjang jika anda pilih untuk menulis sesuatu yang anda tidak suka. Lebih bijak anda mengambil masa untuk mencari topik yang sesuai untuk blog anda dari awal lagi. Dengan demikian, peluang blog anda untuk berjaya adalah lebih cerah dan dapat banyak menjanakan duit secara pasif.

CADANGAN HANGAT:

*Sukar untuk menulis artikel dalam topik yang bukan kepakaran anda? **Instant Article Wizard** akan bantu kajian anda, pengumpulan, suntingan dan reka artikel yang berwibawa dan profesional untuk anda dengan sekali klik saja. Klik di sini untuk mencuba Instant Article Wizard:*

<http://www.gobalarecommends.com/articlewizard>

Mengepos Mesej dalam Blog Anda

Saya lebih suka mengepos mesej dalam blog saya, empat atau lima kali setiap minggu. Mengepos lebih daripada itu tidak perlu, tapi anda juga tidak mahu kurang mengepos mesej. Anda akan hilang pembaca dengan cepat jika anda mengepos sekali sekala. Jika pembaca anda kembali kepada blog anda sekali dua dan dapati mesej yang sama, mereka mungkin akan sangka yang anda tidak menulis lagi jadi mereka tidak akan kembali kepada blog anda lagi. Pembaca anda akan mempunyai daya fokus yang singkat dan akan mencari maklumat baru dan menarik pada blog anda. Jika anda tidak endah untuk menulis isi kandungan baru untuk mereka jadi mengapa mereka perlu kembali kepada blog anda?

Samalah juga, tidak perlu pos beberapa mesej setiap hari pada blog anda. Sesetengah orang kata yang anda sepatutnya mengepos tiga mesej setiap hari pada blog anda. Sebenarnya ini tidak perlu kerana tindakan ini seolah menggagalkan sebahagian daripada tujuan keseluruhan menjana pendapatan pasif. Anda mahu pembaca kembali kepada blog anda tetapi anda juga tidak mahu melemaskan mereka dalam isi kandungan. Mereka harus kembali kepada blog anda, membaca satu atau dua mesej baru, mengklik beberapa iklan dan kemudian pergi dan kembali lagi selepas satu atau dua hari.

Gaya anda menulis mesej blog boleh memberi kesan yang hebat kepada pembaca blog anda. Anda hendaklah selalu menulis dalam gaya seolah anda bercakap dengan kawan baik anda. Tulis seolah anda kenal setiap individu yang membaca blog anda. Berusaha untuk membina satu hubungan dengan pembaca anda supaya mereka rasakan seolah mereka 'kenal' anda. Dengan mengambil masa untuk

mengenali anda dan pembaca anda, anda akan membina asas pembaca, yang setia pada blog anda.

Tanyalah pembaca di dalam mesej blog anda dan galakkan mereka untuk membalasnya di ruang komen blog anda. Bila pembaca anda mengambil masa untuk mengepos komen, pastikan anda selalu balas komen mereka. Jika anda tidak dapat menjawab semua komen, maka setidaknya anda rujuk kepada komen pembaca anda dalam mesej blog yang seterusnya. Dengan berbuat begini bersama pembaca anda, mereka akan mula merasa yang anda mengambil berat tentang mereka. Oleh kerana anda mengambil berat dan berminat tentang mereka, mereka akan menjadi pembaca blog anda yang setia dan mereka akan membantu anda, dengan menceritakan blog anda kepada orang yang mereka tahu. Ini mendatangkan lebih ramai pembaca dan akhirnya lebih banyak klik AdSense. Mereka juga akan lihat blog anda sebagai autoriti dalam topik anda dan akan berminat dengan iklan yang sepadan dengan topik dan isi anda.

Cuba serba sedikit berhumor dalam catatan blog anda. Anda tidaklah perlu menulis cerita yang menakjubkan atau terlalu kelakar atau seumpamanya, tapi anda juga tidak mahu pembaca anda tertidur. Pastikan mesej anda ringan, gunakan sedikit humor bila boleh dan masanya sesuai, ceritakan tentang diri anda dan kehidupan anda sekali-sekala dan cuba lihat mesej anda dari kaca mata pembaca anda.

Adakah anda akan kembali kepada blog anda setiap hari untuk membacanya? Mengapa? Kenapa tidak? Gunakan jawapan kepada pertanyaan ini untuk memulihkan blog anda dari semasa ke semasa.

Pastikan isi blog anda sentiasa berubah dan menarik kepada pembaca. Ini akan menyukakan pembaca anda dan anda pula akan suka untuk menulis blog lagi. Ini juga menunjukkan kepada pembaca bahawa anda serius untuk blog anda buat jangka masa panjang. Ini akan membuatkan mereka mahu kembali lagi dan lagi dari semasa ke semasa.

Pengformatan Mesej Anda

Mulakan dengan betul, pos mesej yang tajuknya sepadan dengan isi dan topik keseluruhan blog anda. Andaikan anda mempunyai blog tentang kucing peliharaan anda bernama Felix. Kucing anda melakukan sesuatu yang kelakar pada hujung minggu ini, jadi anda mahu menulis tentangnya dalam blog untuk berkongsi dengan pembaca anda. Tujuan utama bagi blog membuat duit ialah memastikan iklan AdSense yang dipaparkan adalah mengenai kucing supaya ia natural dengan topik blog anda. Daripada menggunakan tajuk yang tidak jelas seperti "Pengembaraan Hujung Mingguku", gunalah suatu yang lebih khusus seperti "Pengembaraan Hujung Mingguku bersama Felix Kucingku."

Dengan hanya menggunakan "Pengembaraan Hujung Mingguku" sebagai tajuk anda, berkemungkinan besar AdSense akan memaparkan iklan seperti percutian hujung minggu dan topik lain yang tidak menarik minat pembaca blog kucing anda. Dengan memasukkan perkataan "kucing" dalam tajuk anda, malah perkataan "peliharaan haiwan" juga, anda akan lebih cenderung untuk mendapat iklan tentang produk kucing, yang mana lebih relevan kepada blog

anda. Blog anda berkemungkinan besar akan tersenarai dalam enjin carian apabila orang mencari laman web tentang “kucing” atau “haiwan peliharaan.”

Anda juga mesti ada pautan untuk setiap mesej blog anda. Ini adalah medan betul-betul dibawah tajuk anda dalam Blogger. Satu panduan yang baik dalam talian ialah sebarang pautan adalah bagus. Semakin banyak pautan yang laman web ada, semakin tinggilah kedudukannya di enjin carian. Kedudukan enjin carian yang baik bermakna lebih ramai pengunjung natural untuk laman anda, maka lebih banyak klik pada iklan AdSense anda. (Kita akan cerita tentang pautan dengan terperinci dalam Bab 9 eBuku ini.)

Di awal mesej teks, anda mesti ambil masa dalam menaip semula tajuknya dan menebalkan hurufnya. Di bawah tajuk ini, semestinya ada beberapa kata kunci untuk AdSense dan pengoptimuman enjin carian, diikuti oleh teks mesej anda .

Di dalam teks mesej itu sendiri, anda mesti gunakan seberapa banyak yang mungkin kata kunci. Nyatakan “kucing” dan “haiwan peliharaan” beberapa kali tapi pastikan ayat itu masuk akal dan sesuai, jika blog anda adalah tentang haiwan peliharaan kucing. Namun, janganlah anda menokok tambah ke dalam blog anda semata-mata untuk SEO dan AdSense kerana ini akan buat pembaca anda bengang. Anda perlu gunakan kata kunci tapi gunakanlah apabila ia sesuai digunakan.

Satu lagi petua mudah yang boleh membantu anda menulis mesej yang menarik ialah pelbagaikan format teks anda. Jika anda mengatakan sesuatu yang penting – **tebalkan hurufnya**. Gunakan

teks yang lebih besar untuk tajuk, subtajuk dan kata kunci. Tetapi janganlah buat pembaca anda bengang semata-mata kerana mahu tingkatkan kedudukan SEO anda. Jadikan teks mesej anda mesra pembaca dan tidak kelihatan seperti anda menciptanya hanya untuk SEO. Jika ada gangguan dalam pembacaan mesej anda dengan format yang pelik atau dipenuhi dengan kata kunci maka pembaca akan merasakan yang blog anda ialah tentang wang dan enjin carian, bukannya tentang pembelajaran dan hiburan mereka. Ini akan menyebabkan pembaca anda pergi kepada blog lain yang lebih menjurus untuk pembelajaran dan hiburan mereka dan kurang untuk pendapatan si penulis blog. Ingatlah bahawa bukan blog anda sahaja yang menceritakan suatu topik khusus, ada blog lain juga yang menceritakan topik yang sama. Walaupun begitu, anda boleh berusaha untuk menjadi blog yang terbaik dalam topik tersebut!

Cuba fikir seketika tentang siaran berita televisyen tempatan anda. Anda membuka televisyen untuk menontonnya selepas seharian berkerja dan kemudian anda dapati 95% adalah iklan komersial. Berkemungkinan besar anda akan kecewa dan akan menukar siaran. Anda akan merasakan bahawa seolah tiada apa pun di sana untuk anda tapi hanya hasil pendapatan pengiklanan untuk stesen berita tersebut. Samalah untuk pembaca anda, mereka tidak datang kepada blog anda untuk menjadi sasaran pengiklanan. Mereka datang kepada blog anda kerana mereka rasakan suatu hubungan dengan anda dan berminat dengan apa yang anda perlu katakan. Sajikan mereka iklan yang relevan sahaja tapi hidangkan isi kandungan yang terbaik supaya mereka boleh menerima pengiklanan itu tadi.

Intipati Mesej Anda

Untuk intipati mesej atau isi yang sebenar, saya cadangkan anda kekal dengan menulis mesej blog anda sendiri. Sesetengah penulis blogger membeli beberapa kumpulan penulisan artikel topik tertentu dan kemudian mengeposkannya setiap hari seolah mereka telah menulisnya sendiri. Terdapat beberapa kelemahan dengan cara ini. Anda tidak akan dapat mutu isi kandungan yang bagus melainkan anda membayar untuknya, yang mana menewaskan tujuan blog anda iaitu membuat duit bukan membelanjakannya. Anda tidak dapat berhubung dengan pembaca anda dan memberikan blog anda perasaan peribadi yang ia mesti ada, jika anda hanya mengeposkan penulisan artikel orang lain. Hakikatnya menulis isi yang baik tidaklah mengambil masa yang lama tetapi, usaha menulisnya memanglah berbaloi kerana pulangnya lumayan. Malah jika anda menulis kurang daripada apa yang anda inginkan, atau dengan teks mesej yang pendek, itu adalah lebih baik daripada blog berisikan artikel murahan yang tiada peribadi anda.

Mesej blog anda tidak perlu panjang. Cuba tulis 300-400 perkataan dalam mesej anda kerana ini dianggap ideal. Malah satu atau dua perenggan pendek selang beberapa hari sudah memadai jika itu sajalah masa yang ada atau yang anda boleh tulis. Yang paling mustahak ialah anda kerap poskan mesej dan cuba menarik minat pembaca dalam gaya penulisan anda dan isinya. Buat pembaca anda seolah "melawat" dan berjumpa anda setiap hari! Walaupun apa yang anda boleh tulis ialah menceritakan kejadian dalam hidup anda dan mengapa anda tidak dapat mengeposkan sebarang isi tentang topik blog anda pada hari itu atau minggu itu.

Jadi apa yang anda tulis? Contoh isi yang bagus ialah memberi ulasan produk. Jika blog anda tentang kuda, maka mungkin anda mahu buat ulasan mengenai produk pencuci baru untuk kuku kaki kuda yang baru anda beli. Dengan menyebut produk yang khusus, anda akan dapati AdSense akan berikan blog anda iklan yang lebih kurang sama dengan produk yang anda ulaskan. Ini akan membantu anda mendapat klik kerana iklan tersebut sehati dengan isi anda dan jika ia ditempatkan pada lokasi yang betul dalam blog anda, ia akan nampak seolah satu cadangan daripada anda. Pencinta kuda yang lain akan baca mesej anda, kemudian, sama ada klik pautan untuk membeli pencuci kuku kuda yang anda sebutkan atau mencari di kotak Carian Google anda dan membeli melalui itu. Kedua-dua pilihan tersebut, anda akan mendapat hasil daripada Google. Mudah sekali.

Isi kandungan lain yang bagus ialah apa-apa yang mengajar atau menghibur pembaca anda. Jika blog anda tentang kuda, mungkin anda mahu mengatakan tentang penjagaannya, kesihatannya atau malah personalitinya. Anda mungkin mahu menghibur pembaca anda dengan cerita mengenai kuda anda atau memberi ulasan filem terbaik tentang kuda yang pernah anda tonton. Bayangkan blog anda seperti televisyen. Seseengah program memberi pelajaran dan yang lain hanya menghibur. Setiap jenis siaran memenuhi tujuannya, dan kedua-duanya mempunyai pengiklanan yang relevan dengan isinya. Semua stesen televisyen menawarkan pelbagai siaran supaya mereka boleh menawan hati khalayak penonton yang sebesar mungkin. Dan kita sebagai penonton boleh menerima iklan komersial kerana tanpanya kita tidak akan dapat menonton siaran kesukaan kita.

Satu lagi cara anda boleh mendapatkan isi yang bagus untuk blog anda ialah membenarkan orang lain, yang sama topik dengan blog anda, atau pemilik laman web yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang hampir sama, untuk menjadi “penulis jemputan” di blog anda. Ini membolehkan blog anda mempunyai isi kandungan yang relevan dan hebat yang anda tidak perlu meluangkan masa untuk menulisnya sendiri. Anda juga boleh menawarkan diri sebagai “penulis jemputan” di blog mereka dengan persetujuan boleh meletakkan pautan balik ke blog anda.

Jika anda memang tidak boleh menulis atau kurang berminat dalam menulis blog, maka anda boleh juga mengupah seseorang untuk menuliskannya. Tetapi jika anda pilih cara ini, anda haruslah mendapatkan seseorang yang pandai menulis, bahasa Inggeris sebagai bahasa ibundanya, jika blog anda berbahasa Inggeris dan seseorang yang berpengetahuan luas dalam topik blog anda. Anda perlu berkerjasama dengan erat bersama mereka untuk memastikan mereka menjaga blog dan pembaca anda sepertimana anda. Baca apa yang mereka poskan setiap hari dan tentukan jika itu adalah apa yang anda mahukan dalam blog anda.

Mencari penulis freelance yang mahu menulis blog untuk anda bukanlah sukar. Terdapat beberapa laman web di mana anda boleh poskan mesej “penulis diperlukan” dan akan dapat beberapa calon untuk menulis di blog anda dengan kerap.

Bab 7

Meningkatkan Trafik Blog Anda

Fail Pengenalan Forum

Salah satu cara untuk meningkatkan trafik blog anda ialah untuk menulis di dalam forum internet. Sebuah forum internet hanyalah satu papan mesej di mana orang berkumpul untuk berbincang dan membentuk komuniti mereka sendiri dalam talian. Terdapat pelbagai forum tentang apa-apa topik yang boleh anda fikirkan! Anda boleh mendapati forum daripada topik melahirkan anak kepada kewangan, daripada politik kepada sejarah dunia dan dengan literal, semua topik lain yang berada di antaranya.

Kebanyakan forum dalam talian membenarkan anda untuk ada satu fail pengenalan peribadi. Di dalam fail pengenalan peribadi ini, amnya anda boleh letak pautan ke blog anda, laman web anda atau yang kerap anda kunjungi, nama anda, lokasi anda atau sebarang maklumat asas yang anda mahu paparkan untuk sesiapa yang membaca mesej dalam forum. Apabila anda mengesposkan mesej dalam forum, fail pengenalan anda dengan automatik mengesposkan maklumat yang anda masukkan ke dalamnya, di bawah setiap mesej yang anda poskan. Menggunakan pengenalan dalam forum boleh menjadi cara yang bagus untuk mendapatkan orang datang dan membaca blog anda dan sekaligus dapat mencapai sasaran pasaran anda dengan mudah.

Apa yang anda patut buat dulu ialah mendaftarkan diri dalam forum sama ada yang berkaitan langsung dengan topik anda atau di mana tempat berkumpulnya orang yang mempunyai minat yang sama dengan topik anda dan kemudian masukkan pautan ke blog anda di dalam fail pengenalan anda. Anda harus memastikan untuk hanya mengeposkan mesej bermutu dan lebih penting, mesej yang relevan dengan topik forum berkenaan. Anda patut cuba menjadi peserta forum yang berharga. Jika mesej anda menambah nilai kepada forum untuk komuniti pembaca yang lain, dan anda dapat berkenalan dengan beberapa penulis forum lain serta membina persahabatan dalam talian, maka berkemungkinan besar mereka akan tengok blog anda dan mula membacanya. Apabila mereka dapati suatu yang mereka suka dalam blog anda, mereka akan menceritakannya di forum kesukaan mereka. Ini akan mendatangkan lebih ramai lagi pembaca untuk blog anda. Mereka akan mula mengiklankannya bagi pihak anda. Apa yang lebih baik daripada pengiklanan pasif? Tiada!

Apa yang anda sekali-kali tidak mahu buat dalam forum ialah hanya mengepos tentang betapa hebatnya blog anda dan mengapa semua orang patut melihatnya. Ini dikira *spamming* dan akan menyebabkan anda dilarang masuk dalam kebanyakan forum dan malah mungkin blog anda itu sendiri ditutup. Anda tidak akan memperoleh sebarang trafik yang berguna dengan melakukan ini. Anda hanya membuatkan orang marah dan mungkin mendapat beberapa komen yang menyakitkan hati dalam blog anda. Orang ramai tidak akan melihat blog anda kerana anda katakan ia hebat.

Mencari Forum yang Diingini

Mencari forum yang relevan dengan topik blog anda amatlah mudah. Katakanlah anda mempunyai blog tentang topik "memancing ikan trout." Anda hanya perlu pergi pada www.google.com, atau enjin carian lain, dan taipkan "memancing ikan trout+forum" dan anda akan dapati 258,000 laman web berpotensi yang anda boleh lawat untuk menyertai forum berkaitan dengan memancing ikan trout. Senarai yang Google kembalikan kepada anda akan termasuk salinan dan beberapa laman tak berguna, tapi anda juga akan dapati bahawa terdapat lebih banyak forum memancing ikan trout daripada apa yang anda sangkakan!

Disebabkan cara enjin carian berfungsi, anda akan dapati kebanyakan forum yang popular akan dipaparkan pada kedudukan teratas laman hasil carian. Mungkin itu adalah forum yang terbaik untuk anda sertai dan mengenali ahlinya. Oleh kerana ia mempunyai kedudukan carian enjin yang tinggi, ini memberitahu anda bahawa ia mempunyai keahlian yang ramai yang berpengetahuan luas dalam topik anda. Ia berkemungkinan besar adalah tempat di mana pencinta dan pemancing ikan trout berkumpul dalam talian.

Di samping mencari "memancing ikan trout", mungkin anda patut pertimbangkan topik lain yang mungkin ada kepentingan untuk pemancing ikan trout. Sesetengah topik ini mungkin termasuklah subjek seperti *backpacking*, berkhemah, memancing, *fly fishing*, mendaki gunung, kehidupan lasak, rekreasi aktiviti lasak, hidup daripada hasil bumi dsb...Fikirkan segala perkara yang anda minati dan fikirkan sama ada orang lain yang memancing ikan trout juga akan meminatinya. Dari sana anda boleh mendapatkan perkataan

yang relevan untuk dicari, sekumpulan forum baru untuk anda sertai dan memperkenalkan diri.

Jika anda berfikir luar biasa sedikit, anda boleh dapat pilihan yang terlalu banyak tak terhingga untuk anda meletakkan pautan blog anda. Semakin ramai pembaca datang kepada blog anda maka semakin cerahlah peluang mengklik AdSense dan lebih banyaklah duit anda di dalam akaun bank anda.

Fail Pengenalan E-mel

Kebanyakan e-mel klien hari ini menawarkan anda fungsi untuk mencipta satu fail pengenalan. Malah akaun e-mel percuma seperti Yahoo atau Hotmail membenarkan anda menciptanya. Sama seperti di papan mesej atau forum dalam talian, fail pengenalan ini dilampirkan pada setiap mesej yang anda hantar daripada akaun e-mel anda. Bayangkan setiap orang yang anda hantar e-mel pada setiap hari dan peluang mendapatkan pembaca baru untuk blog anda hanya daripada satu fail pengenalan e-mel yang mudah ini.

Jika anda lampirkan pautan blog anda ke dalam setiap mesej e-mel yang anda hantarkan, orang akan mengkliknya sama ada ia berkaitan atau tidak dengan isi e-mel yang mereka terima. Manusia adalah satu spesies yang ingin tahu hal orang lain iaitu mereka ingin tahu apa yang berlaku dengan orang lain dan apa yang orang lain fikirkan. Blog anda membenarkan mereka seolah masuk ke dalam otak anda sedikit supaya mereka akan klik pautan ke blog anda dan melihatnya.

Hubungan e-mel ini mungkin berpotensi menjadi pembaca blog, yang mana anda tidak akan capai dengan sebarang pengiklanan dalam talian. Menggunakan fail pengenalan memberikan anda jangkauan yang luas kepada pelbagai golongan manusia tapi tidak perlu menghabiskan masa yang banyak semasa mula menyediakan fail pengenalan itu sendiri. Dan jika anda mempunyai blog yang baik dan bermutu, maka kemungkinan besar pembaca baru anda ini akan menyebarkan pautan blog anda kepada kenalan mereka.

Jika anda ada lebih daripada satu blog dan e-mel akaun, anda boleh meletakkan pautan semua blog anda ke dalam setiap fail pengenalan untuk setiap e-mel akaun atau satu pautan, satu akaun. Cuba fikirkan cara apa yang akan menjana trafik yang paling banyak untuk blog khusus pilihan anda. Anda seharusnya mengambil masa untuk mempromosikan blog anda dan laman web anda melalui blog dan laman web lain anda; walaupun isinya tidak berkaitan. Matlamat anda untuk sebarang blog atau laman web mestilah untuk mendapatkan pengunjung sebanyak mungkin dan anda lakukan ini melalui mempromosikan laman anda di mana saja yang anda boleh lakukan sama ada di alam maya atau di alam nyata.

Pautan-balik Mendatangkan Trafik kepada Blog Anda

Salah satu cara untuk meningkatkan kedudukan enjin carian anda ialah dengan mempunyai banyak pautan-balik. Pautan-balik adalah pautan pada laman web orang lain yang menghubungkan kepada blog anda. Terdapat banyak cara untuk mendapat pautan-balik, anda boleh tulis dan serahkan artikel kepada direktori dan laman web lain, anda

boleh menulis dan keluarkan berita dalam talian atau anda boleh memberi komen pada blog lain yang akan berpaut balik kepada blog anda. Cara lain untuk mendapatkan pautan-balik ialah untuk pautkan semua blog anda di antara satu sama lain dan membuat pautan dengan laman penulis blogger lain demi kemanfaatan anda semuanya.

Penyerahan Artikel

Terdapat banyak tempat dalam talian di mana anda boleh serahkan artikel pendek (400-600 perkataan) bukan fiksyen tentang sesuatu yang anda tahu. Artikel ini boleh menjadi pos blog anda yang pertama, ia boleh jadi tentang sesuatu yang anda serahkan di laman direktori artikel atau ia boleh jadi artikel yang ditulis oleh orang lain dan kemudian diterbit di bawah nama anda. Inilah satu-satunya masa yang mana penulisan anda ditulis oleh orang lain adalah suatu yang bagus. Selagi artikel tersebut bagus dan berbunyi seolah ia tidak menjadi masalah jika ia ditulis oleh anda atau penulis lain yang anda upah untuk menulis.

Menyerahkan artikel kepada direktori artikel dalam talian adalah percuma, mudah dan senang. Dengan hanya menjadikan salah satu pos blog anda ke dalam artikel tersendiri dan kemudian serahkan kepada direktori pilihan anda. (Beberapa yang popular adalah articlealley.com, contentdesk.com, ezinearticles.com dan goarticles.com). Terdapat juga beberapa program penyerahan automatik yang boleh anda gunakan untuk serahkan artikel anda kepada beberapa laman artikel secara serentak.

Terlampir kepada artikel anda ialah “nama penulis”. Pada nama penulis ini akan mengandungi maklumat tentang anda dan pautan kepada blog anda dan laman web lain. Anda boleh mempunyai nama penulis yang berbunyi seperti “Jane Smith ialah seorang pengatur caraan pada waktu siang dan memblog tentang kuda pada waktu malam. Lihatlah laman web pengatur caraan di www.iprogram.com dan bacalah blognya di www.besthorseblog.com.” Dalam contoh ini, nama penulis mencipta dua pautan-balik untuk setiap kali anda terbitkan artikel; satu kepada laman pengatur caraan dan yang satu lagi kepada blog tentang kuda. Jika anda mengeposkan lima artikel ini pada web, anda mempunyai sepuluh pautan-balik kepada laman web anda.

Dan juga, kebanyakan laman artikel membenarkan anda menerbitkan hak artikel tidak-eksklusif pada laman mereka. Ini bermakna anda bebas untuk mengeposkan artikel yang sama pada laman artikel yang lain juga. Setiap kali anda serahkan artikel, anda membina pautan kepada laman anda. Tambahan pula, penulis blog dan webmaster akan pautkan artikel ini dalam laman web mereka yang relevan dan tindakan itu akan memberikan laman anda lebih banyak lagi pautan. Dengan menyerahkan artikel kepada laman web direktori artikel anda dapat membina pautan dengan mudah kepada laman anda untuk meningkatkan kedudukan enjian carian anda.

Penyerahan Siaran Akhbar

Jika anda akan mulakan satu perniagaan kecil dari rumah, satu cara untuk mendapat pengiklanan percuma ialah dengan menghantarkan

siaran akhbar kepada surat akhbar tempatan. Dalam talian, terdapat beberapa laman siaran akhbar yang mana anda boleh serahkan siaran akhbar tentang blog atau laman web baru anda dengan percuma. (Dua yang paling popular adalah prweb.com dan prfree.com).

Untuk buat siaran akhbar, hanya perlu tulis satu kenyataan pendek tentang bagaimana hebatnya laman baru anda yang dilancarkan dan poskan dalam laman siaran akhbar yang percuma. Pastikan terdapat pautan kepada laman web anda di dalam siaran akhbar anda dan anda telah mencipta satu pautan-balik tambahan daripada setiap laman yang anda serahkan siaran akhbar anda. Siaran akhbar adalah cara yang terbaik untuk mendapatkan pautan tanpa memerlukan banyak kerja. Ianya padat dan tepat.

Penyerahan Direktori Blog

Sepertimana ada direktori dalam talian untuk alamat e-mel, nombor telefon dan maklumat lain, terdapat juga direktori yang mengandungi senarai blog. Direktori blog ini adalah laman web di mana orang ramai boleh cari senarai blog dalam sebarang topik khusus yang mereka minati. Pencarian dalam direktori ini adalah seperti enjin carian dan halaman hasil carian ialah blog yang mengandungi topik yang dicari.

Menyerahkan blog anda kepada direktori akan membantu dalam mendapatkan dua perkara, pautan-balik dan ramai pembaca untuk blog anda. Kedua-dua ini akan membantu kedudukan enjin carian anda dan juga pendapatan daripada iklan AdSense anda.

Memberi Komen dalam Blog Orang Lain

Satu lagi cara untuk membina pautan-balik kepada blog anda ialah dengan megeposkan komen dalam blog dan laman web orang lain. Jika anda meninggalkan komen yang bermutu maka mungkin pembaca komen tersebut mahu tahu apa lagi yang anda mahu katakan di blog anda sendiri. Jika anda meninggalkan komen dalam blog ahli Blogger, maka akaun anda akan dipaparkan dan komen anda secara automatik berpaut balik kepada blog anda. Pembaca blog tersebut akan membaca komen anda dan klik pada pautan untuk mengetahui topik apakah yang diceritakan dalam blog anda.

Sesetengah orang megeposkan mesej pendek tentang kesukaan mereka terhadap sebuah blog dan kemudian meminta penulis blog tersebut melihat blog mereka dan mengizinkan penulis blog tersebut memasukkan pautan kepada laman webnya dalam blog pemberi komentar itu tadi. Dengan hanya meninggalkan mesej spam "hey lihatlah blog saya" anda akan berkemungkinan membuat orang marah dan akan hilang pembaca. Tinggalkan maklumat yang bermutu dan orang ramai akan lebih cenderung untuk melihat blog anda. Anda sentiasa mahu pastikan yang anda menambahkan nilai kepada web, bukan hanya mengiklankan blog anda untuk buat duit.

Bekerjasama Dengan Penulis Blog Lain

Bekerjasama dengan penulis blog lain boleh menjadi cara yang terbaik untuk mendapatkan pautan kepada blog anda. Anda boleh mempunyai pautan-balik sehalu kepada laman web anda atau anda boleh

mempunyai pautan dua hala, tetapi sebarang pautan adalah lebih baik daripada tiada langsung. Akhirnya, banyak pautan kepada blog anda, lebih bagus.

Ramai penulis blog telah menubuhkan apa yang dinamakan “blogroll.” Blogroll ialah penyenaiaan pautan kepada blog lain dalam topik yang berkepentingan serupa. Ini membenarkan blog mempunyai pautan-balik kepada mereka dan juga membenarkan anda mengiklankan blog anda kepada pembaca kesemua blog yang serupa. Blogroll boleh menjadi cara terbaik untuk mendapat pembaca baru untuk blog anda dan tingkatkan kedudukan enjin carian anda pada masa yang sama.

Satu lagi perkara yang penulis blog akan selalu buat ialah bertukar-tukar pengeposan mesej dengan penulis blog lain. Pertukaran mesej pos ini dinamakan “penulis blog jemputan.” Katakanlah saya mempunyai blog yang berjaya tentang peluang bekerja dari rumah. Penulis blog lain yang saya jumpa di dalam talian pula mempunyai blog tentang ibu bapa yang duduk di rumah. Kami boleh bertukar-tukar catatan di mana saya akan membenarkan dia menjadi penulis jemputan di blog saya tentang ibu bapa yang duduk di rumah sebagai satu pertukaran untuk saya menjadi penulis jemputan di blognya tentang topik peluang bekerja dari rumah. Kami bertukaran catatan “penulis jemputan” dan setiap satunya memasukkan nama penulis yang ada pautan kepada blog atau laman web kami sendiri. Saya mempunyai satu pautan-balik dan dia juga ada sama.

Dengan bekerjasama bersama penulis blog lain dan menjadi penulis blog seperti ini, anda boleh mendapat akses kepada pembaca setia blog lain dan mereka akan ada akses kepada blog anda. Sebab, di

dalam contoh di atas, blog kami tidaklah bersaing di antara satu sama lain untuk pembaca, kami boleh menjadi penambah khidmat untuk satu sama lain dan juga kepada pembaca kami masing-masing. Kami berdua boleh membina jumlah pembaca kami dan juga membina beberapa pautan kepada laman kami pada masa yang sama. Ini adalah situasi menang-menang untuk semua pihak yang terbabit.

Mencari penulis blog lain untuk bekerjasama menjadi penulis jemputan bukanlah sukar. Jika anda mengambil masa untuk membina satu blog yang bagus, dengan isi yang bermutu, maka penulis blog lain yang mempunyai blog bermutu akan mahu bertukar-tukar pautan dan bekerjasama dengan anda. Semakin bagus blog anda, semakin cerahlah peluang menjadi penulis jemputan!

Bab 8

Pengoptimuman Enjin Pencarian

Bagaimana Enjin Carian Berfungsi?

Sebelum kita boleh berbincang tentang pengoptimuman enjin carian, anda perlu tahu dan faham perkara asas tentang bagaimana enjin carian berfungsi. Sementara prosesnya banyak membabitkan pengiraan matematik, jauh lebih rumit daripada apa yang orang kisah untuk ambil tahu, saya akan cuba berikan suatu penjelasan yang amat mudah.

Sebuah enjin carian seperti Google, Yahoo, MSN dsb... menghantar "lelabah" kepada laman web baru. Lelabah ini hanyalah sedikit kod atau boleh juga dikatakan satu program yang "merayap" laman web. Tindakan merayap laman web hanyalah menyalin halaman dan memuat turunkan salinan tersebut ke dalam pelayan web enjin carian.

Setelah lelabah merayap laman web tersebut, enjin carian akan mengindekskan maklumat yang diperolehi daripada salinan halaman yang ia baru dapat. Pengindeksan adalah tentang kata kunci, tag dan isi laman web itu sendiri.

Apabila anda pergi ke www.google.com dan meletakkan kata kunci sebagai carian, halaman "hasil carian" anda adalah berdasar halaman yang diindekskan daripada proses ini.

Jadi, amnya enjin carian menghantar lelabah kepada halaman anda, merayap atasnya, menyalinnya kepada pelayan mereka sendiri, mengindekskan maklumat yang ada pada salinan tadi dan kemudian menggunakan indeks tersebut apabila seseorang membuat carian. Sebenarnya ia bukanlah proses yang semudah itu, tetapi itu sudah memadai untuk kita memahami secara asasnya apa yang berlaku.

Pengoptimuman Enjin Carian

Setelah anda menubuhkan blog anda dan berusaha untuk mendapatkan trafik terbanyak supaya mengunjunginya, anda akan terdengar tentang pengoptimuman enjin carian atau apa yang biasa dirujuk – SEO. Sementara bunyi pengoptimuman enjin carian menggentarkan, sebenarnya ia adalah proses yang mudah difahami. Mengambil kira SEO boleh mendatangkan lebih ramai pengunjung kepada blog anda dan sekali gus menjana lebih banyak pendapatan untuk anda kerana klik pengunjung pada iklan AdSense anda.

Buku ini akan membincangkan asas SEO tapi faham bahawa seperti fungsi sebenar enjin carian; berjilid-jilid buku boleh ditulis mengenainya! Sebagai kekecewaan tambahan, enjin carian tidak menyiarkan bagaimana sebenarnya ia memproses maklumat dan indeks. Ini bermakna, setiap orang yang cuba mengoptimumkan laman web mereka untuk enjin carian, hakikatnya membuat banyak tekaan dan mencuba-cuba untuk melihat apa yang memberikan hasil untuk mereka.

Apabila mencari sesuatu yang khusus dalam talian, anda tentu akan pergi kepada enjin carian kegemaran anda dan memasukkan kata kunci untuk mencari apa-apa maklumat yang anda inginkan. Sebagai contoh, jika anda mahu membeli kayu golf baru, anda mungkin akan pergi menaip "kayu golf" di dalam kotak carian www.google.com.

Kemudian enjin carian Google akan kembalikan kepada anda senarai yang barangkali mengandungi sejuta atau lebih halaman kemungkinan. Laman pertama yang anda lihat pada halaman hasil carian adalah laman yang berkedudukan #1 di Google, yang kedua adalah kedudukan #2 dan seterusnya. Dengan pengoptimuman enjin carian tujuan utama ialah untuk mendapatkan kedudukan yang tertinggi yang mungkin pada laman hasil carian apabila seseorang membuat carian terhadap kata kunci topik blog anda. Anda harus berada pada halaman pertama hasil enjin carian itu.

Bila pengunjung membuat carian melalui enjin carian dan kemudian mengklik laman web anda melaluinya, proses ini dirujuk sebagai pengunjung "natural" atau "organik." Mereka dapat ke laman web anda secara enjin carian "natural" dan bukannya daripada pengiklanan selainnya yang anda laksanakan. Tujuan utama pengoptimuman enjin carian adalah mendapatkan anda penjunjung natural yang seramai mungkin. Mengapa? Kerana mereka ini datang kepada anda tanpa anda perlu melaksanakan sebarang kerja dan kemudian mereka akan mengklik iklan AdSense anda. Ini adalah sejenis pendapatan pasif yang terbaik!

Kunci pengoptimuman enjin carian yang baik ialah mendapatkan kedudukan setinggi mungkin, dengan anda hanya perlu melakukan kerja tambahan yang paling sedikit pun boleh. Apabila seseorang membuat carian di Google untuk kata kunci yang juga topik blog anda, anda mahukan blog anda muncul di halaman hasil carian yang pertama tersebut, sebaik mungkin hampir kepada kedudukan yang tertinggi. Walaupun enjin carian menggunakan algoritma yang rumit dan rahsia dalam menentukan kedudukan laman web, terdapat beberapa perkara mudah yang anda boleh lakukan dapat membantu kedudukan blog anda setinggi mungkin. Anda seharusnya kerap mengeposkan catatan tentang topik anda, membina pautan, menggunakan kata kunci dan densiti kata kunci yang bagus, mentag catatan anda dan *pinging* dengan kerap. Mari luangkan masa dan lihat pada setiap satu cadangan ini dengan lebih terperinci.

Jangan terkeluar daripada Topik & Rajinlah Menulis

Enjin carian lebih gemar blog daripada laman web yang statik. Enjin carian menghargai yang blog dikemas kini selalu dan amnya blog kekal pada satu topik. Ini adalah mustahak bagi anda, sebagai penulis blog kepada blog penjana duit, untuk menulis tentang satu topik yang khusus pada blog anda. Selalu mengemaskinikan laman web juga sangat penting. Ini adalah dua perkara yang paling mudah dan perkara yang terbaik sekali yang anda boleh lakukan untuk pengoptimuman enjin carian. Jangan terkeluar daripada topik dan selalu pos isi yang bermutu. Mudah saja.

Pautan

Pautan kepada laman anda daripada laman lain membantu meningkatkan kedudukan enjin carian anda. Enjin carian melihat pautan kepada laman anda sebagai maksud bahawa orang lain cukup menghargai laman anda sehingga berpaut dengannya. Enjin carian tidak lihat sama ada pautan tersebut dibina dengan penyerahan yang anda lakukan sendiri atau orang lain berpaut kepada laman anda dengan sendiri. Kita sudah pun bincang bagaimana untuk mendapatkan pautan kepada laman anda melalui pencatatan forum, artikel, siaran akhbar, penulis jemputan dsb... dan sebab utama anda mahu menghabiskan masa dan tenaga untuk meningkatkan jumlah pautan ialah kerana untuk menambahbaikkan jumlah pembaca dan juga membantu anda dalam usaha pengoptimuman enjin carian.

Kata kunci

Kata kunci penting supaya blog anda dilihat dan diberi kedudukan yang baik oleh enjin carian. Di dalam bab yang lalu eBuku ini, kita telah membincangkan tentang menulis isi yang kaya dengan kata kunci, guna kata kunci dalam tajuk dan format istimewa seperti menebalkan huruf untuk menarik Googlebot kepada topik anda. Alasan untuk ini mudah saja, untuk pengoptimuman enjin carian. Anda harus menggunakan kata kunci blog anda selalu kerana ini akan membantu enjin carian mengindekskan laman anda untuk kata kunci tersebut. Pengindeksan yang lebih baik samalah seperti kedudukan yang lebih baik pada laman hasil carian enjin carian apabila seseorang membuat carian untuk kata kunci ini.

Katakanlah anda memiliki blog tentang duduk di Podunk. Semakin banyak anda menyebut Podunk pada tajuk dan catatan anda, semakin banyaklah Google dan enjin carian yang lain faham bahawa laman anda adalah tentang Podunk. Ini bermakna apabila seseorang membuat carian Podunk dalam Google, halaman anda akan muncul dengan kedudukan yang lebih tinggi daripada laman web lain mengenai Podunk tapi kurang menyebut perkataan Podunk dalam laman webnya.

Isi kandungan blog mestilah mempunyai banyak kata kunci di dalamnya. Ini adalah salah satu matlamat anda dalam pengoptimuman enjin carian. Dalam erti kata lain anda harus memastikan bahawa di dalam teknya halaman anda, anda pastikan yang kebanyakan perkataan itu adalah kata kunci. Ini biasanya dirujuk sebagai "densiti kata kunci."

Andaikan seketika yang anda memiliki blog tentang komputer riba. Anda menulis satu artikel yang mengandungi lebih kurang 500 perkataan dan anda menyebut perkataan "komputer riba" 10 kali dalam artikel tersebut. Ini akan memberikan anda 2% densiti kata kunci. Itu bermakna 2% daripada perkataan anda di dalam artikel tersebut adalah "komputer riba." Jika anda ubah artikel yang sama supaya mengandungi perkataan "komputer riba" 18 kali, menggunakan tajuk "Belian yang Berbaloi untuk Komputer Riba Terbaik" dan kemudian masukkan tajuk kedua di permulaan teks blog anda. Maka anda telah menggunakan perkataan "komputer riba" sebanyak 20 kali. Menggunakan perkataan "komputer riba" 20 kali di dalam halaman

artikel yang mengandungi 500 perkataan akan memberikan kata kunci densiti anda yang baru iaitu 4%.

Contoh di atas adalah contoh yang amat mudah, tapi cukup untuk memberikan kefahaman mengapa kata kunci dan bagaimana kekerapan anda menggunakannya adalah mustahak. Matlamat anda ialah untuk mendapatkan densiti kata kunci di antara 5% dan 10% tetapi tidak lebih daripada itu. Jika lebih daripada itu, blog anda akan menjadi sukar untuk dibaca dan enjin carian akan mula berfikir bahawa anda membina sebuah splog jika densiti kata kunci anda lebih daripada 15-20%. Sekali lagi ini adalah perkara yang mana anda perlu mengimbangi antara apa yang akan menjadi mesra pembaca dan juga mesra enjin carian.

Tag META

Tag META atau dirujuk secara mudah sebagai "tag", adalah bahagian kod yang kecil dan tersembunyi, yang memberitahu enjin carian tentang blog anda. Dengan asasnya, tag adalah senarai kata kunci yang pengunjung anda tidak nampak tetapi penindeks enjin carian nampak. Tag digunakan dalam membantu enjin carian mengindeks laman web dengan lebih baik tanpa dapat dilihat dan mengganggu pembaca anda.

Jika saat ini anda mempunyai blog tentang fotografi, maka mungkin anda mahu tambahkan sekumpulan tag seperti: fotografi, foto, studio fotografi, gambar, cetakan, portret, kamera, film dsb...Anda mahu tag anda kekal dalam topik khusus kepada blog anda, tetapi anda juga

mahu masukkan kesemua perkataan yang mungkin akan dicari oleh seseorang dan dapat menjumpai blog anda. Tag ini membantu mendapatkan blog anda diindekskan untuk semua perkataan di dalam tag.

Tidak seperti perisian catatan blog yang lain, Blogger tidak mempunyai cara yang mudah untuk menambah tag kepada blog anda. Sesetengah format blog ada, Blogger sahaja yang tiada. Namun, masih boleh menjana tag untuk Blogger anda dengan menggunakan laman web lain dan kemudian gunting dan tampal sedikit kod pada templat anda. (Serupa seperti apa yang kita telah buat untuk AdSense.) Ia adalah mudah dan percuma untuk dilakukan. Disarankan agar anda meletakkan tag pada pencatatan blog anda. Apa-apa saja yang akan membantu dengan pengoptimuman enjin carian, anda harus mempelajarinya dan pastikan anda melaksanakannya.

Beberapa laman tag terkenal termasuklah de.licio.us dan www.technorati.com. Mendaftarkan di salah satu laman amatlah mudah dan ianya percuma. Setelah mendaftar maka anda boleh menjanakan kod tag untuk blog Blogger dan hanya perlu menampalkannya di dalam templat blog anda.

Pertama sekali anda perlu buat satu salinan templat blog anda, manalah tahu anda akan menyukainya atau tidak, kemudian anda tampalkan kod tag tersebut selepas lokasi dalam templat anda yang menyebut:

```
</Title>
```

<\$BlogMetaData\$>

Dengan menampilkan kod tag anda di sini, setiap kali anda mengepos mesej kepada blog anda, enjin carian juga akan mendapat salinan kesemua kata kunci tambahan anda yang telah ditagkan pada bawah teks mesej tersebut. Walaupun catatan blog anda tidak menyebut kata kunci anda, tag anda menyebutnya!

Ini bermakna jika blog anda tentang Krismas tetapi anda memilih untuk bercakap tentang haiwan peliharaan keluarga anda pada catatan pos anda, pengindeks tetap akan dapat kenal perkataan Krismas sebagai salah satu kata kunci anda kerana perkataan Krismas diperoleh daripada tag.

Ping

Enjin carian menghantar lelabah atau bot kepada laman anda pada kadar masa yang kerap. Enjin carian menjadualkan kunjungannya berdasarkan kepada saiz laman web anda dan berapa kerap dikemaskinikan. Walaupun demikian, jika anda mahu memberitahu enjin carian bahawa anda telah mengemaskinikan laman web anda, maka anda boleh lakukan sesuatu yang dinamakan "pinging."

Pinging dalam konteks ini, hanya menghantar satu rangkain kod kepada enjin carian yang mengatakan "datanglah ke laman web aku, ia sudah dikemaskinikan dan aku mahu ia diindekskan balik." Apa yang anda perlu lakukan ialah dengan hanya pergi kepada laman web ping, masukkan URL blog anda, pilih kotak yang mana anda mahu

ping (amnya ping semuanya) dan kemudian klik "Ping."

Sememangnya mudah dan sekejap. Dua laman web ping yang popular adalah www.ping-o-matic.com dan www.pingoat.com.

Umumnya, disarankan anda ping setiap kali anda kemas kini blog anda atau setidak-tidaknya seminggu sekali. Ini akan memastikan laman web anda dilihat oleh enjin carian dan diindekskan secepat yang mungkin.

SEO dan Pemasaran Blog Anda

Pengoptimuman enjin carian adalah sebahagian yang amat penting dalam menjayakan blog anda. Amatlah penting untuk memahami bagaimana enjin carian melihat maklumat anda dan apa yang dilakukan terhadap maklumat tersebut. Dengan memahami bagaimana enjin carian berfungsi, anda akan menjadi lebih arif untuk membina blog anda sebagai laman yang "mesra enjin carian." Semakin senang enjin carian boleh berfungsi dengan laman anda, maka semakin baiklah kedudukan yang akan anda terima daripadanya.

Sementara pengoptimuman enjin carian adalah mustahak, anda tidak boleh hanya bergantung pada pengunjung natural kepada laman web anda daripada enjin carian. Ianya suatu perkara yang hebat untuk memperoleh beberapa pembaca anda daripada sana, tetapi umumnya anda akan mahu nama blog anda muncul di luar sana dengan cara lain juga. Anda perlu melaksanakan cara lain yang telah dicadangkan sebelum ini untuk membantu memandu trafik kepada laman web

anda. Enjin carian, walaupun jika anda mendapat kedudukan yang bagus, ia tidak akan melaksanakan kesemuanya untuk anda. Anda perlu memasarkan laman anda dan memasakannya pada khalayak sasaran.

Bab 9

Pengubahsuaian & Peningkatan

Reka Bentuk Blog Anda

Selepas blog anda didirikan dan berfungsi untuk seketika waktu, anda pasti akan dapati yang anda mahu lakukan beberapa perubahan.

Mungkin anda mahu membuat perubahan yang mudah seperti menukar jenis biru kepada jenis hijau atau mungkin anda mahu templat yang berlainan secara keseluruhannya dan imej blog anda.

Kebanyakan perubahan terhadap blog anda yang mahu dilakukan boleh dilaksanakan di blog anda dengan sedikit pengalaman menggunakan Blogger.

Selagi anda belajar dan meningkatkan kemahiran menulis blog dan HTML, anda akan pasti dapati perkara baru dan inovatif yang anda boleh tambah kepada blog anda untuk membuatkan lebih menarik kepada pembaca anda dan akhirnya membuat lebih banyak duit untuk anda. Sentiasalah prihatin tentang perkara baru dan inovatif yang anda boleh lakukan terhadap blog anda dan cara yang anda boleh gunakannya untuk menjana pendapatan bagi anda.

Untuk hanya kemas kini imej blog anda, anda boleh gunakan templat yang berbeza. Terdapat jutaan pilihan templat di luar sana yang percuma atau templat murah yang anda boleh gunakan bersama Blogger. Kerana Blogger Google menerajui industry menulis blog, ramai orang mereka bentuk kulit (imej latar belakang yang menarik) dan

templat sesuai dengannya. Bermain dengan templat dan kulit baru boleh jadi menyeronokkan dan akhirnya anda boleh mendapat imej blog yang unik. Blog anda adalah kesinambungan diri anda dan perniagaan anda, jadi anda seharusnya meluangkan masa untuk mengubahsuainya dari semasa ke semasa.

Jika anda ingin mencuba-cuba templat lain pada blog anda, mungkin anda perlu pertimbangkan untuk mencubanya pada blog sementara. Dengan cara ini, sebarang perubahan yang mungkin anda lakukan tidak akan memberi kesan terhadap blog utama anda. Ini membenarkan anda membuat keputusan sama ada anda suka akan pengubahsuaian itu atau tidak sebelum anda menggunakannya. Ini boleh menjimatkan masa dan kekecewaan semasa anda baru mula belajar menggunakan templat dan setting Blogger.

Anda perlulah sentiasa membuat salinan pendua templat sedia ada sebelum anda membuat sebarang pengubahsuaian. **Ini teramatlah mustahak.** Anda sentiasa perlu boleh kembali balik kepada templat lama anda dengan mudah jika anda tidak suka akan yang baru. Anda tidak akan mahu masalah mengenal pasti apa kesilapan yang telah dilakukan di dalam pengubahsuaian tersebut. Ianya amatlah mudah untuk kembali balik kepada templat lama dan kemudian cuba lagi buat pengubahsuaian.

Jika anda mengubahsuai templat anda akan perlu juga menyalin dan menampal kod anda daripada templat lama ke dalam yang baru. Item seperti AdSense dan pautan peribadi anda perlu diletakkan pada templat baru daripada yang lama secara manual.

Membuat salinan sandaran templat anda bukanlah hanya satu pilihan; anda sebenarnya mesti melakukannya setiap kali sebelum anda membuat sebarang pengubahsuaian terhadap blog anda. Ini akan menjimatkan masa anda yang bernilai dan menyelamatkan daripada kekecewaan.

Ia juga amatlah penting menentukan sama ada anda mahu blogg anda mempunyai imej “profesional” atau lebih kepada perasaan buatan sendiri terhadapnya. Adakah nilai blog anda akan memberikan pembelajaran atau hiburan kepada pembaca anda? Adakah anda menulis sebagai seorang yang “pakar” dalam bidang tersebut? Adakah anda ingin dikenali terhadap keprofesionalan dan pengalaman? Atau adakah anda hanya mahu berkongsi pengalaman anda dan menyajika sedikit hiburan untuk pembaca anda?

Andaikan seketika yang saya miliki blog dalam topik etika perniagaan. Sebagai perniagaan utama saya, saya konsultan etika perniagaan. Saya ingin dikenali sebagai autoriti dalam etika perniagaan. Saya gunakan blog etika perniagaan saya untuk mempromosikan perniagaan utama saya, sementara menikmati beberapa pendapatan daripada AdSense. Dalam blog saya mengepos artikel dan pendapat yang profesional. Dengan blog ini saya lebih mahukan imej profesional. Saya mahu dilihat profesional pada pembaca saya dan seolah berjaya di dalam pilihan kerjaya saya. Untuk tujuan ini, saya akan gunakan templat yang berimej korporat dan profesional. Saya juga akan memilih untuk tidak mengepos gambar anak-anak dan haiwan peliharaan saya dalam blog ini.

Sekarang, andaikan pula saya miliki satu lagi blog tentang berdikari dan hidup daripada hasil bumi. Saya hidup begini dalam kehidupan peribadi saya dan saya mahu bantu orang lain supaya mereka boleh melakukannya juga. Saya mahu menjadi rujukan mesra untuk mereka yang berminat untuk hidup seperti saya. Saya mahu orang ramai boleh memahami saya dan berkongsi pengalaman mereka dengan hidup daripada hasil bumi. Dalam blog ini, saya menceritakan tentang kehidupan dalam rumah saya dan fikrah bagaimana untuk mendapatkan hasil yang sebanyak mungkin daripada kehidupan mudah ini. Walaupun blog ini boleh dijadikan blog penjana pendapatan, saya mungkin akan mahu perasaan “buatan sendiri” padanya. Pembaca saya amatlah tidak suka akan imej “korporat dan seumpamanya” jadi saya tidak mahu blog saya berimej demikian kepada pembaca. Mungkin saya gunakan templat berwarna ketanahan dan mengesposkan gambar anak-anak saya dan tempat kediaman saya dalam blog ini.

Sepertimana anda boleh lihat dalam kedua-dua contoh di atas, imej blog anda mempunyai banyak kaitan dengan fungsi dan matlamatnya. Mendapat perasaan dan imej yang betul amat penting supaya pembaca anda selesa seolah berada di rumah dan akan kembali mengunjungnya selalu. Anda mahukan pembaca anda melihat blog anda dan memahami akan matlamat dan arah tujuannya dengan mudah.

Vlog dan Moblog – Masa Depan Penulisan Blog

Dengan kemajuan telefon mudah alih dan kebolehan teknologi video, kita kini melihat vlog dan moblog mula memasuki ke dalam arena penulisan blog. Vlog merujuk kepada “blog video” dan ia adalah blog yang memasukkan pergambaran video ke dalamnya. Moblog pula merujuk kepada “blog telefon mudah alih” dan ia adalah blog yang membenarkan blogger memuatnaikkan video dan foto yang diambil daripada telefon kamera, malahan membuat panggilan ke dalam pengeposan blog daripada telefon mudah alih mereka.

Matlamat blog bentuk baru ini masih sama iaitu mendapatkan pengunjung melihat ia tentang apa dan kemudian jadikan mereka pembaca yang setia yang akan kembali membaca hari demi hari, minggu demi minggu. Tugas ini boleh dipermudahkan apabila blog anda mengandungi video dan pergemaskinian “daripada lokasi” melalui telefon mudah alih anda. Cuba fikirkan sejenak tentang semua perkara menarik yang boleh anda letakkan dalam blog anda. Anda boleh poskan tentang percutian anda sementara masih dalam percutian dan mengandungi gambar dalam vlog anda untuk tontonan semua sebelum anda pulang ke rumah.

Penulis vlog dan moblog kini menggunakan vlog dan moblog untuk mencipta stesen radio dan berita mereka sendiri. Bayangkan anda berjalan-jalan di bandar pada waktu malan dan menyaksikan sesuatu yang berbaloi untuk diceritakan. Anda boleh mengambil pergambaran dengan telefon mudah alih anda dan muat naikkannya dengan hampir serta-merta kepada vlog atau moblog anda untuk tontonan semua. Anda boleh meletakkan pergambaran anda sebelum mana-mana kru

pemberita tradisional boleh tiba di lokasi, itu pun jika mereka sempat sampai di sana untuk menyaksikan aksi berita tersebut.

Penulis vlog dan moblog yang lain membuat filem pendek mereka sendiri dengan menggunakan teknologi yang sama. Sebahagian daripada mereka menggunakan kamera web dan merakamkan siaran video sendiri, mengeditnya dan mengeposkan video tersebut ke dalam vlog atau moblog mereka. Ini membolehkan mereka mencipta sendiri program siaran atau filem dengan serta-merta. Fikirkan kemungkinan yang boleh dilakukan dengan ini dan menayangkan kepada penonton internet yang sangat besar kepada ciptaan anda!

Industri perisian sudah mula nampak nilai di dalam kebolehan orang untuk mencipta blog istimewa ini dan mereka cipta perisian supaya menjadikan proses ini lebih murah dan lebih mudah. Kini sudah ada pilihan yang mampu dibeli untuk mencipta dan mengedit video dengan cukup mudah untuk dipelajari dan digunakan oleh kebanyakan orang.

Mencipta RSS Feed

Dengan mewujudkan RSS feed untuk blog anda, pada asasnya anda boleh sindiket blog anda sepertimana komik dan siaran televisyen sindiket isi kandungannya.

Apa itu RSS feed? RSS merujuk kepada "Rumusan Laman Pengayaan" atau "Pengsindiketan Teramat Mudah" bergantung pada versi yang digunakan. Pada asasnya RSS ialah cara untuk menyalurkan berita yang terkini dan terkemas kini dari serata dunia ke dalam blog anda melalui internet.

Pembaca saluran RSS boleh menggunakan program pembaca dinamakan *feed reader* atau *aggregator*. Program ini boleh dimuat turunkan dan yang terkenal sekali adalah News Gator atau Bloglines.

Feed reader atau *aggregator* memeriksa laman web di mana pengguna melanggan untuk mengetahui sama ada apa-apa maklumat yang baru dan terkemas kini, jika laman terkemas kini maka feed reader akan menyalin maklumat baru tersebut supaya si pembaca boleh membacanya. Tujuan aggregator adalah supaya pembaca laman web tidak perlu sentiasa melihat sama ada laman sudah dikemaskinikan, pembaca daripada program RSS feed yang melakukan ini untuk pembaca laman web tersebut.

Penambahan RSS feed ke dalam blog Blogger amatlah mudah untuk dilakukan. Hanya pergi ke Dashboard Blogger, kemudian ke Setting, kemudian ke Site Feed dan masukkan sama ada anda mahukan sindikasi catatan yang penuh atau hanya sindikasi catatan anda yang sedikit. Anda kemudian boleh menambah butang sindikasi kepada halaman depan blog anda dan itu saja yang perlu anda lakukan. Dengan mengambil langkah yang mudah ini, pengunjung anda boleh melanggan kepada RSS feed anda dan mereka akan tahu bila laman anda dikemaskinikan!

Untuk blog yang menjana pendapatan, meninggalkan sindikasi ke dalam pilihan yang ringkas adalah yang terbaik. Ini akan memaparkan kepada pembaca anda bahawa laman anda telah dikemaskinikan, tetapi pembaca anda masih perlu mengunjungi laman web anda untuk membaca mesej anda keseluruhannya. Ini memastikan yang mereka akan melihat iklan Google AdSense anda dan mungkin akan mengklik

padanya. Anda mahu memberikan cebisan maklumat kepada pembaca anda melalui RSS feed supaya memastikan mereka kembali kepada blog anda dan dapat membaca teks mesej yang seterusnya.

Alternatif kepada Blogger

Walaupun blogger ialah pilihan yang baik untuk memulakan blog dan menjana duit dengan AdSense, terutamanya bagi orang baru, bukanlah ia satu saja hos blog dalam talian. Beberapa pilihan lain yang popular termasuklah WordPress, Moveable Type dan TypePad. Setiap hos blog menawarkan set pilihan dan kepelbagaian sendiri. Sesetengah itu memerlukan bayaran dan yang lain pula percuma seperti Blogger.

Sementara bermula dengan Blogger boleh menjadi cara yang bagus untuk memasuki ke dalam dunia penulisan blog, anda mungkin dapati suatu masa nanti yang anda mahu memindahkan blog anda kepada hos lain. Ini adalah amalan yang biasa dan mudah untuk dilaksanakan. Namun anda mestilah bina beberapa kemahiran HTML supaya boleh memindahkan blog anda ke dalam format lain kerana templat Blogger amnya hanya berfungsi dengan baik untuk Blogger.

Akhir Kata

Saya tidak dapat bayangkan bagaimanakah rupa bentuk generasi penulisan blog di masa akan datang. Kemungkinannya tiada penghujung jika anda fikirkan kesemuanya yang dapat dilakukan dalam talian pada hari ini. Dengan pertumbuhan dan perubahan teknologi akan sentiasa menghasilkan cara baru dan inovatif untuk membuat duit daripada blog.

Cadangan yang terbaik yang boleh saya berikan kepada anda dalam penulisan blog di masa akan datang adalah cuba mengikuti perkembangan terkini trend penulisan blog dan ceburkan diri ke dalam sesuatu yang anda boleh lihat cara untuk menjana pendapatan daripadanya. Laksanakannya sebelum orang lain membanjiri pasaran dan anda akan mempunyai pendapatan yang lumayan daripada blog anda untuk tahun yang akan datang.

Anda juga patut beri sokongan kepada komuniti penulisan blog dengan menyertai blog orang lain dan membantu mereka yang baru dalam blog. Terdapat banyak wang yang boleh dikongsikan dan menjadi suatu amalan yang baik membantu orang lain di dalam menjalani kehidupan anda.

Moga anda berjaya dan selamat menulis blog!

Sumber Web Berguna

Keyword Elite – SEO Software

Takluki pencarian kata kunci dan Search Engine Optimization dengan perisian yang telah memenangi anugerah ini. Lihat sendiri ciri-ciri baru yang membolehkan anda menjimat masa dan wang dengan tugas pencarian kata kunci automatik.

<http://gobalarecommends.com/keywordelite>

Wordpress Adsense System

Sistem paling komprehensif mengajar anda untuk memulakan, mengurus dan mengaut keuntungan dari Wordpress dan Google Adsense.

<http://adsense.easywordpress.com>

Easy Blog Traffic

Pakar-pakar mendedahkan cara bagaimana mereka mendapat pembaca dan pelanggan setia untuk blog mereka menggunakan peralatan, strategi dan plugin rahsia. Juga, 12 video tutorial yang menunjukkan cara langka demi langkang untuk menggunakan sumber web percuma / berbayar mendapatkan trafik ke blog anda.

<http://traffic.easywordpress.com>

Squidoo Profits

Ebuku ini sememangnya berguna. Ia mendedahkan cara anda boleh menggunakan Squidoo™ "Lens" untuk mendapatkan trafik, menaikkan ranking enjin pencarian anda dan menjanakan lebih banyak wang untuk perniagaan sedia ada.

<http://squidoo.easywordpress.com>

Niche Marketing Strategies Revealed

Stephen Pierce dan Patric Chan menghapuskan setiap mitos dalam pemasaran niche, dan memberitahu anda perkara sebenar yang menghalang anda daripada memperoleh berjuta-juta dari pasaran niche kecil yang belum diterokai.

<http://www.winningyourniche.com>

Resell Rights for Newbies

Laman bagus untuk sesiapa sahaja yang cuba membuat wang di atas talian dengan produk-produk Resell Rights. Laman web ini mengandungi beberapa tutorial video yang bagus, menunjukkan cara anda memilih, mengubahsuai dan menjual produk Resell Rights untuk keuntungan yang hebat.

<http://www.gobalarecommends.com/rrfn>